


Jilid I
Bil. 12



MALAYSIA

Hari Selasa
24hb Oktober, 1978

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 989]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 1017]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 [Ruangan 1018]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1979 [Ruangan 1018]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P.**
(Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, **TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG** (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, **TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T.**
(Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK** (Kanowit).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, **DATUK MANSOR BIN OTHMAN**
(Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P.** (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, **DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P.** (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, **DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM** (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, **DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S.**
(Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P.** (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, **DR GOH CHENG TEIK** (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, **DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J.** (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, **TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF**
(Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, **TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S.**
(Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, **PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N.** (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N.** (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N.** (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, **TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN** (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, **DR LING LIONG SIK** (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, **TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B.** (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P.** (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, **DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.** (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TUAN SANUSI BIN JUNID** (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N.** (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **TUAN MAK HON KAM** (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S.** (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N.** (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE
E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK
UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING
(Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN
HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN
YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN
ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH
BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN
ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN
ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM
BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan
Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias*
YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P.,
P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjong Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).

- Yang Berhormat** TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 24hb Oktober, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PLATE NOMBOR KERETA/LORI/
MOTOSIKAL BERASINGAN**

1. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pengangkutan menyatakan samada Kerajaan akan mengkaji semula penggunaan plate nombor kereta, lori, motosikal yang berasingan antara satu sama lain supaya dapat mengelakkan jenis sesuatu kenderaan. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, ya, Kerajaan sedang mengkaji syor Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Au How Cheong.

(Soalan No. 2 Y. B. Tuan Au How Cheong tidak hadir)

**DASAR PERDAGANGAN AUSTRALIA
TERHADAP ASEAN**

3. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau akan berbincang dengan Menteri-menteri ASEAN untuk mengambil tindakan yang mustahak terhadap Dasar-dasar Perdagangan Australia, oleh sebab dasar-dasar perdagangan Australia baru-baru ini menunjukkan bahawa ianya belum lagi memperbetulkan dasar-dasarnya secukup dengan kemajuan ekonomi dan perusahaan di Negara-negara ASEAN dengan sentiasa

mengadakan sekatan-sekatan perdagangan kepada setengah-setengah barangan daripada Malaysia khususnya dan barangan-barangan ASEAN pada amnya kerana hendak meneruskan tradisi membela perindustrian perkilangan Australia.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar mengenai dasar-dasar perdagangan Australia dan Kementerian saya sentiasa mengawasi dan mengkaji perkembangan-perkembangan di dalam dasar-dasar tersebut terutamanya yang mempunyai kesan terhadap kemajuan ekonomi dan perusahaan di Malaysia. Jika didapati dasar-dasar itu menjejaskan perdagangan Malaysia dan ianya dapat diselesaikan secara bilateral sudah tentu saya akan membawa perkara ini kepada rakan-rakan saya di negara-negara ASEAN yang lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, issue ini telahpun dibincang di Mesyuarat Keempat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN yang telah diadakan di Singapura pada 27-29 Jun, 1977 dan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah bersetuju supaya tiap-tiap negara ASEAN menyediakan senarai barang-barang yang mana langkah-langkah tindak-balas boleh diambil sekiranya dasar-dasar Australia bertentangan serta menjejaskan perdagangan ASEAN dengan negara tersebut.

SIJIL KERAKYATAN

4. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah sijil kerakyatan di bawah kemasukan (naturalisation) telah dikeluarkan dari 1-1-1975 hingga 1-6-78 dan berikan pecahan mengikut kaum untuk tiap-tiap tahun; dan
- (b) adakah beliau sedar bahawa jabatan memproses sijil kerakyatan di Kementerian beliau mengambil masa yang

lama untuk memproses permohonan-permohonan dan jika ya, apakah langkah-langkah yang beliau bercadang hendak ambil untuk mempercepatkan kerja memproses permohonan-permohonan itu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bilangan sijil kerakyatan yang telah dikeluarkan di bawah Perkara 19 iaitu kemasukan (naturalisation) bagi tempoh 1-1-75 hingga 1-6-78 adalah sebanyak 978 iaitu dari sebanyak 2,747 permohonan yang diproses. Adalah menjadi amalan dan dasar Kementerian ini tidak memberi angka-angka tersebut mengikut pecahan kaum; dan
- (b) masa yang diambil untuk memproses permohonan-permohonan kerakyatan adalah berpatutan dan tidak lebih daripada masa yang diperlukan. Dengan itu soal mengambil langkah-langkah baru untuk mencepatkan kerja memproses permohonan-permohonan tersebut tidaklah timbul.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, soalan tambahan. Saya ingin bertanya samada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa sipemohon yang membuat permintaan sijil kerakyatan di bawah Borang G diperlu mengambil masa lebih kurang 5 hingga 6 tahun untuk menunggu satu keputusan daripada Kementerian. Sungguhpun mereka telah tunggu 5 hingga 6 tahun tetapi mereka pun belum mendapat satu keputusan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ada sesuatu kes yang tertentu seperti ini kena menulis dahulu, beritahu. Kalau tidak, tidak patut kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, melainkan dia sudah bersedia untuk menjawab atas perkara itu. Suka menjawab Yang Berhormat?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, segala permohonan-permohonan itu terpaksa diteliti dengan mendalam sebelum dibuat apa-apa keputusan.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaannya adakah sedar atau tidak, ada yang kena 6 tahun menunggu. Betulkah begitu Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar?

Tuan Lee Lam Thye: Ya, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Sedar atau tidak. Kalau tidak sedar, mengapa?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, itu kena tunjukkan specific cases.

Tuan Yang di-Pertua: Kena khas minta buat soalan. Ada lagi soalan tambahan?

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang lain saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu samada beliau sedar kesusahan yang dihadapi oleh si pemohon khususnya mengenai kes-kes yang mana mereka mempunyai keluarga yang besar di mana mereka telah menunggu begitu lama, tadi saya ada kata 5 hingga 6 tahun. Sekiranya beliau sedar samada Kerajaan akan bercadang untuk mengambil satu sikap yang liberal dan peri kemanusiaan (humanitarian attitude) terhadap si pemohon yang berkenaan sekiranya si pemohon dapat memenuhi syarat-syarat permintaan itu.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pemohon-pemohon dapat memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki menurut Perlembagaan dan memuaskan hati pihak Kementerian, sememangnya segala permohonan-permohonan itu dapat diproseskan dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan apakah hak kewarganegaraan itu menjadi hak kepada orang yang memohon ataupun terpulang kepada Kerajaan hendak menentukan samada dia hendak beritahu tidak beri?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah terletak kepada kategori permohonan-permohonan itu dan adanya kategori-kategori yang terletak kepada budi bicara Kementerian dan Kerajaan untuk memberi atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, menjadi hak Kerajaan.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Ya.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi keterangan di dalam Dewan ini kalau seorang pemohon dalam Form E . . .

Tuan Yang di-Pertua: Di bawah Peraturan Mesyuarat 23 tidak membenarkan mengguna perkataan "kalau".

Tuan V. David: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Hypothetical case tidak boleh, tidak dibenarkan oleh Standing Orders.

Tuan V. David: Borang E surat beranak pemohon ada. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini berapa tahun si pemohon mahu menunggu sampai dapat menerima sijil kerakyatan itu.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, ini menurut keadaan masa-masa yang ditentukan. Menurut keterangan yang didapati jika sekiranya memuaskan hati Kerajaan di atas keterangan-keterangan yang didapati itu maka dapatlah diselesaikan dengan masa yang ditentukan, iaitu masa yang sepatutnya.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini bahawa biasanya berasas apakah kriteria-kriteria atau syarat-syarat bagi pihak Kementerian untuk menentukan satu permohonan kerakyatan diluluskan atau ditolak.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara yang ada di dalam dokumen, kalau baca betul-betul Standing Orders, barang yang sudah ada tidak boleh ditanya di sini, tidak payah ditanya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa perkara memberi sijil kerakyatan adalah bergantung atas budi bicara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan kita semua tahu bahawa jika mahu memohon

untuk jadi warganegara sipemohon mesti memenuhi syarat-syarat tertentu. Soalan saya ialah selepas memenuhi syarat-syarat tertentu yang termaktub dalam Perlembagaan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan di Dewan ini apakah panduan (guideline) berasas budi bicara Kementerian jalankan oleh kerana tentulah budi bicara tidak dijalankan dengan sewenang-wenangnya.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, budi bicara ini termasuklah kelakuan-kelakuan (character) seseorang itu. Ini termasuk juga dalam budi bicara di antara syarat-syarat yang lain.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, kelakuan itu bukan 2 tahun, 3 tahun hendak disiasat. Borang E surat beranak tidak lebih 2 minggu boleh siasat perkara itu. Bolehkah satu jaminan diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini bila orang itu ada memohon melalui Borang E, berapa lama boleh siasat dan boleh diberi keterangan.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, ini saya telah jawab. Lama masanya ialah mengikut keterangan yang diberi tadi.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pemohon-pemohon yang pekak dan bisu yang telah memohon di bawah Borang G

Tuan Yang di-Pertua: Ini ada kesnya?

Tuan P. Patto: Ada. Di bawah Borang G di mana permohonan telah ditolak berkali-kali oleh Kerajaan walaupun pemohon mempunyai bukti bahawa beliau adalah seorang bisu. Kalau sedar, bolehkah Kerajaan mengambil satu keputusan bahawa semua pemohon-pemohon yang bisu dan yang minta kerakyatan di bawah Borang G atau manamana borang yang lain diberi kerakyatan dengan serta-merta asalkan permohonan itu dibuktikan dengan surat perubatan daripada hospital.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada specific cases, bolehlah dikemuka untuk ditimbang.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat keterangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai sejauh manakah Kerajaan bersikap tegas terhadap kelayakan bahasa terhadap sesuatu permohonan untuk mendapat kerakyatan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan memberi jaminan bahawa Kerajaan akan bersikap tegas dalam masalah ini.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya bersikap tegas di atas masalah ini iaitu berhubung dengan peperiksaan bahasa yang diambil hasil daripada permohonan-permohonan permintaan kerakyatan ini, sememangnya tegas sungguhpun ada juga liberal dan tidaklah dibawa masalah-masalah bahasa yang tinggi-tinggi pada masa peperiksaan bahasa untuk memohon kerakyatan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Oleh kerana ada berlaku banyak dan bertambah banyak kes-kes di mana pemohon-pemohon yang memenuhi syarat-syarat yang perlu untuk memohon kerakyatan termasuk lulus ujian Bahasa Malaysia tetapi permohonan mereka ditolak tanpa diberi sebab-sebab

Tuan Yang di-Pertua: Panjang sangat mukadimahnyanya. Cuba soal sahaja apa soalnya?

Tuan Lim Kit Siang: Soalnya ialah oleh kerana terdapat satu keadaan di mana ramai pemohon-pemohon ditolak dalam permohonan mereka untuk mendapat kerakyatan sungguhpun mereka memenuhi syarat-syarat. Bolehkah Kementerian yang berkenaan memberitahu setiap pemohon-pemohon sebab-musabab permohonan mereka ditolak supaya mereka boleh sekurang-kurangnya rasa puas hati bahawa kuasa budi bicara digunakan bukan sewenang-wenangnyanya.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidaklah semestinya memberitahu sebab ditolak dan sekiranya ada perkara-perkara yang patut diberitahu untuk mendapat keterangan tambahan berhubung dengan perkara ini maka bolehlah diberitahu sebab permintaan itu ditolak.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu kepada Dewan ini berapa lama Pejabat Pendaftaran diambil untuk memproses permohonan ini kerana orang-orang yang memohon kerakyatan mendapat jawapan dari pejabat tersebut tindakan yang terakhir sudah diambil tetapi banyak pemohon yang dapat surat ini kena tunggu dua atau tiga tahun iaitu walaupun tindakan terakhir sudah diambil tetapi sehingga dua tiga tahun tidak boleh dapat satu keputusan.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah dijawab tadi.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan tadi, masa yang kita beri untuk memproseskan permohonan kerakyatan ini adalah sangat berpatutan dan kadangkalanya masa yang lama diambil ialah oleh sebab kelewatan pemohon itu sendiri memberi keterangan-keterangan yang jelas.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan ada berkata bahawa Kerajaan bersikap tegas dalam masalah bahasa, di samping itu Kerajaan juga mengambil sikap liberal. Tidakkah sikap liberal ini sendiri menunjukkan bahawa sikap itu tidak tegas.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, ketegasan itu ialah menurut peraturan-peraturan yang ada dan menurut peraturan-peraturan yang ada bahasa yang dikehendaki untuk meluluskan kerakyatan itu ialah bahasa yang mudah. Itu yang dikatakan liberal.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, adakah 167,000 permohonan dalam Borang "G" di Kementerian yang belum disiasat dan diselesaikan, juga belum diberi kerakyatan. Bolehkah memberitahu apa sebabnya?

Tuan Yang di-Pertua: Dari mana tahu 167,000 itu?

Tuan V. David: Ada tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Ada tahu, baiklah. Sila Yang Berhormat Menteri jawab, kalau Yang Berhormat pula tahu juga.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, tidak dalam pengetahuan saya.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, ada berapa ribu permohonan dalam borang "G"?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini berkehendakkan notis.

KEKURANGAN DIESEL

5. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah sebabnya masalah kekurangan diesel di seluruh negara ini masih belum lagi ditatasi, adakah ini disebabkan syarikat-syarikat minyak luar negeri mengenakan tekanan terhadap Malaysia supaya negara kita boleh tunduk kepada permintaan kenaikan harganya, dan apakah langkah-langkah telah diambil oleh Kementerian untuk memperlingkungi kepentingan ekonomi negara dan kepentingan rakyat negara kita supaya bekalan diesel dapat dipulihkan dengan segeranya.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang masalah kekurangan bekalan minyak diesel yang kadangkadangkang berlaku di beberapa tempat di negara ini telah mendatangkan masalah kepada pengguna. Sukailah saya menyatakan bahawa masalah kekurangan tersebut cuma berlaku secara "isolated" dan tidak serentak atau menyeluruh di semua tempat di dalam negara ini pada satu-satu masa tertentu dan kekurangan ini berlaku dalam masa dua atau tiga hari sahaja. Keadaan ini timbul oleh kerana permintaan yang berlebihan oleh pengguna-pengguna pada satu-satu masa tertentu, kelewatan menghantar bekalan ke tempat-tempat yang telah putus bekalan, kelewatan pengedar-pengedar dan peruncit-peruncit membuat pesanan untuk menambahkan bekalan, pengguna industri kecil membeli minyak diesel daripada stesyen-stesyen minyak dan lain-lain lagi. Apabila peristiwa kekurangan minyak diesel itu berlaku Kementerian saya akan mengambil tindakan untuk mengarahkan syarikat-syarikat minyak supaya membuat jualan dengan seberapa segera ke tempat-tempat yang mengalami kekurangan tersebut. Pada lazimnya syarikat-syarikat minyak mengambil tindakan untuk membekalkan minyak diesel tersebut di bawah arahan dari Kementerian saya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebab utama terjadinya masalah kekurangan bekalan minyak diesel adalah berpunca dari masalah harga. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum harga minyak diesel yang dibekalkan secara runcit melalui stesyen-stesyen minyak mendapat subsidi dari Kerajaan. Oleh itu satu gelen diesel domestic berharga \$1.18, manakala segelen diesel industri adalah di antara \$1.37 hingga \$1.45. Harga jualan minyak diesel kepada industri adalah lebih tinggi daripada harga jualan di pasaran runcit kerana tidak diberi subsidi. Selagi harga dua peringkat ini digunakan dan jurang perbezaan harga itu masih besar dan harga minyak dijual lebih rendah dari kos dan subsidi yang dibayar oleh Kerajaan, kejadian kekurangan minyak dengan cara tidak menyeluruh tetap akan berlaku. Kejadian ini boleh diatasi sekiranya pihak Kerajaan membenarkan kenaikan harga minyak pada paras yang sekurang-kurangnya boleh menampung kos pengeluaran syarikat-syarikat minyak atau mengadakan satu harga untuk penggunaan industri dan penggunaan biasa. Kedua-dua cara ini akan membebankan pengguna biasa kerana mereka terpaksa membayar harga yang lebih tinggi dan pihak Kerajaan tidak sanggup berbuat demikian oleh kerana bahan tersebut banyak digunakan oleh golongan yang miskin di negara ini.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sejak tahun yang lepas hingga tahun ini, juga selepas Dewan Rakyat, saya telah dua kali melapurkan secara rasmi kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tentang masalah kekurangan diesel di Melaka. Saya ada diberitahu bahawa tindakan akan diambil dan akan disiasat, tetapi selepas satu tahun, Me.aka masih menghadapi masalah yang serius di mana perkara diesel hanya boleh dihadkan seminggu sahaja. Maka apakah tindakan akan diambil?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, kita menerima laporan bukan sahaja daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, tetapi apabila ada kejadian yang mana bekalan diesel itu tidak cukup, kita menerima laporan dan seperti saya katakan tadi kita mendesak syarikat-syarikat supaya membuat bekalan dengan seberapa segera yang boleh kepada tempat-tempat tersebut.

Akibat lewat untuk membekalkan bekalan itu terdiri dari sebab-sebab yang satu daripadanya ialah syarikat minyak pada lazimnya ada apa yang disebut pre-planned deliveries. Jadi, kalau ada pesanan yang begitu di luar biasa, syarikat minyak tidak sanggup membekalkan diesel itu dengan memuaskan. Walau bagaimanapun, pihak Bahagian Penguatkuasa Kementerian saya sentiasa dari masa ke semasa ada membuat kajian atas bekalan diesel dan permintaan di merata-rata tempat dan kita berharap dengan langkah-langkah ini kita boleh mengatasi kejadian kekurangan yang saya kata tadi cuma "sporadic".

Tuan Hussein bin Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Daripada apa yang saya dapat kutip daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, di antara sebab-sebab timbulnya kekurangan diesel ini ialah kerana terdapatnya dua jenis harga dan ini dikaitkan pula dengan pekilang-pekilang kecil membeli diesel di pump yang sepatutnya dibeli oleh pihak yang lain. Adakah pihak Kementerian beliau bercadang untuk menyelaraskan harga ini kerana selagi perkara ini tidak dapat diselaraskan, perkara ini akan berbangkit di masa-masa akan datang.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang sedang mengadakan satu kajian mendalam mengenai harga yang saya katakan tadi, harga dua peringkat (two-tier price) yang menyebabkan kekurangan dari masa ke semasa, tetapi kajian untuk menukarkan harga mesti dipandang dari segi "configuration" iaitu syarikat minyak bukan sahaja menapis diesel tetapi juga kerosene, dan gasoline atau petrol. Jadi, dari segi empat bahan-bahan yang mesti dikaji dengan mendalam supaya kita boleh mengatasi masalah ini.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa syarikat-syarikat minyak ada bekalan minyak diesel tetapi mereka mengamalkan satu sistem kuota yang tidak rasmi dan pam minyak (retail) itu menggunakan rekod-rekod 3 tahun dahulu, jika mereka menjual 20,000 gelen sebulan masa itu sesudah 3 tahun kuota itu pun masih diamalkan oleh syarikat minyak, walaupun

sekarang kereta, lori dan bas sudah bertambah. Jika saya boleh beri bukti, apakah tindakan yang boleh diambil oleh Timbalan Menteri berkenaan?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa syarikat minyak ada mengadakan satu cara yang dikatakan kuota tetapi pihak Kementerian tidak menerima dan tidak bersetuju dengan syarikat minyak menjalankan cara itu. Kita katakan "kuota" tetapi mereka katakan "pre-planned deliveries." Dari segi Kementerian kita tak terima cara kuota ini, cuma kita kata pada tiap-tiap tahun menetapkan berapa juta gelen syarikat itu terpaksa bekalkan dan mereka mesti ikut arahan itu. Kalau mereka tak boleh buat macam itu, kita kadangkala ada ambil tindakan untuk membawa syarikat itu ke mahkamah.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam keadaan kekurangan minyak seperti mana yang selalu berlaku sekarang ini terdapat penjual-penjual minyak yang enggan menjual minyak diesel, adakah pihak Kementerian boleh mengambil tindakan terhadap syarikat yang enggan menjual minyak itu?

Kedua, adakah ini termasuk dalam istilah anti-sorok yang mana Kerajaan melancarkan dasar anti-sorok, ia ada minyak tetapi sengaja tak mahu dijual, kalau hendak dijual pun hanya 3 gelen sahaja. Adakah ini boleh diambil tindakan oleh Kementerian berkenaan?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, mengikut syarat-syarat yang ada dalam lesen yang dikeluarkan kepada penjual minyak itu mereka tidak boleh enggan menjual minyak diesel atau petrol atau lain-lain bahan kepada pengguna-pengguna. Kalau ada laporan atas keengganan itu, Bahagian Penguatkuasa Kementerian saya akan mengambil tindakan dan kalau buktinya cukup, perkara itu boleh dibawa ke mahkamah.

Berkenaan dengan tanda "sold out", itu adalah satu amalan yang kita tidak menggalakkan dan kalau ada amalan seperti itu, sila lapurkan kepada Kementerian.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa kekurangan diesel itu sebenarnya bukan sporadic yang beliau sifatkan itu. Sebenarnya endemic yang berlaku bukan di satu-satu tempat tetapi di banyak

tempat memang berlaku setiap hari. Tadi beliau mengatakan bahawa Kerajaan mempunyai kuasa untuk membawa syarikat minyak yang enggan membekal diesel itu ke mahkamah. Bolehkah beliau beritahu Dewan ini kalau Kementerian ada kuasa, mengapa Kementerian tidak gunakan kuasa itu dengan sepenuhnya dan hentikan keadaan di mana kekurangan diesel endemic berlaku kepada seluruh negara atau adakah Kementerian impotent terhadap syarikat-syarikat minyak yang begitu kuat?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, masalahnya bukanlah mudah seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Kita ada kuasa dan kita telah beberapa kali menggunakan kuasa itu dengan sewajarnya, tetapi kalau kita dengan serta merta berhentikan satu syarikat minyak umpamanya syarikat minyak yang besar untuk membekalkan diesel atau petrol, ini mesti mengakibatkan satu masalah yang besar yang dihadapi oleh pengguna. Jadi seperti saya katakan tadi pokok masalah itu ialah berkenaan dengan harga dua peringkat dan kita sekarang kaji dengan sedalam-dalamnya macam mana kita boleh menetapkan satu harga yang sesuai bukan sahaja selaras dengan kos pengeluaran tetapi juga bagi kepentingan pengguna. Jadi bekalan yang tidak cukup seperti saya katakan tadi ada berlaku tetapi hanya di beberapa tempat sahaja dan selalunya terjadi dalam hujung bulan. Itu adalah satu masalah yang kita tahu, kita pun telah kaji dan hendak mengatasi masalah itu, kita mesti kaji dari semua segi bukan cuma dari segi bekalan daripada syarikat-syarikat itu tetapi juga dari segi kepentingan pengguna-pengguna.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberitahu berapa syarikat minyak sudah diambil tindakan iaitu dibawa ke mahkamah untuk tindakan dan apa keputusannya?

Kedua, di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata kekurangan minyak itu hanya di beberapa tempat, tetapi saya boleh jempit beliau melawat Johor melihat keadaan sebenar. Boleh jadi beliau hanya memakai minyak petrol sahaja bukan diesel sedangkan di Johor kita menghadapi banyak masalah.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, mengenai berapa kes itu, saya kena minta notis tetapi saya boleh beritahu tidak

kurang dari 12 kes dan juga bukan sahaja syarikat minyak, tetapi juga syarikat pengedar (distributor) dan juga petrol pump, semua ada dibawa ke mahkamah.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa apa yang beliau terangkan bahawa kekurangan diesel hanya di beberapa tempat di sana sini dan hujung bulan sahaja adalah tidak benar.

Yang kedua, bolehkah Timbalan Menteri beritahu Dewan ini samada beliau dalam satu tahun atau satu setengah tahun pernah memandu kereta untuk mencari diesel di setiap kiosk tak dapat diesel dan bukan hujung bulan tetapi pada bila-bila masa pun.

Tuan Yang di-Pertua: Kereta Yang Berhormat itu tak pakai diesel, macam mana dia hendak cari diesel?

Tuan Lim Kit Siang: Saya bertanya dia mungkin dia ada driver boleh pergi cari, walaupun dia tak pergi cari.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri tak ada pergi mencari diesel tetapi saya banyak mendapat lapuran dan saya tahu perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah mengenai diesel ini.

SEKIM JAMINAN KREDIT

6. Datuk Stephen R. Evans minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar hal terlampau banyaknya dasar RED TAPE dalam memproses permohonan-permohonan pinjaman di bawah Sekim Jaminan Kredit. Jika sedar, adakah beliau akan mengkaji semula operasi sekim ini supaya peniaga-peniaga kecil yang memerlukan sangat kemudahan Sekim Jaminan Kredit akan lebih berpeluang untuk mendapat pinjaman di bawah sekim ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat maklum, Sekim Jaminan Kredit melibatkan tiga pihak iaitu pemohon-pemohon pinjaman, Bank-bank perdagangan dan Perbadanan Jaminan Kredit (Credit Guarantee Corporation).

Perbadanan ini tidak mempunyai kuasa untuk mengarahkan pemohon-pemohon menyediakan kertas permohonan yang lengkap seperti dikehendaki oleh bank-bank dan meminta bank-bank segera memproses permohonan yang diterima oleh mereka kerana perkara ini tertakluk kepada peraturan pentadbiran tiap-tiap bank. Tiap-tiap bank mempunyai sistem pentadbirannya sendiri dan masa patulah diberi bagi mereka pada tempat jauh daripada Kuala Lumpur untuk berhubung melalui pos ataupun sebagainya ke Kuala Lumpur di mana sejumlah besar daripada ibu pejabat-ibu pejabat bank berada. Selain dari itu mereka mestilah berpuas hati dengan daya maju (viability) perniagaan-perniagaan sebelum mereka memberi pinjaman kepada pemohon atau membiayainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan utama Perbadanan Jaminan Kredit ialah untuk menjamin pinjaman-pinjaman setelah ianya diluluskan oleh bank-bank. Patut ditegaskan Perbadanan yang tidak diluluskan pinjaman-pinjaman. Untuk memberi jaminan biasanya Perbadanan Sekim Jaminan memerlukan tempoh masa lebih kurang 7 hingga 14 hari sahaja dari tarikh permohonan itu diterima oleh Perbadanan daripada bank-bank. Permohonan-permohonan itu perlu diproses supaya pentadbiran Sekim Jaminan adalah diselenggarakan dengan betul dan tempoh masa yang diambil untuk memproses permohonan-permohonan itu adalah bergantung kepada kelengkapan maklumat-maklumat yang terkandung di dalam permohonan-permohonan yang dikemukakan oleh bank-bank.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seterusnya pada akhir bulan Ogos, 1978 Sekim Jaminan Kredit meliputi 65,521 pinjaman-pinjaman yang bernilai \$550.1 juta dan pinjaman-pinjaman bertambah pada tiap-tiap bulan.

Berasas keterangan-keterangan di atas saya berpendapat tidaklah perlu diadakan kajian semua ke atas operasi sekim ini. Walau bagaimanapun, ikhtiar-ikhtiar sentiasa dijalankan untuk mempercepatkan lagi di mana yang boleh proses memberi jaminan oleh Perbadanan Jaminan Kredit.

RUMAH-RUMAH UNTUK GURU

7. Datuk Stephen R. Evans minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa guru-guru dalam Negeri Sabah yang mendiami rumah-rumah untuk guru di kawasan-kawasan luarbandar, tanpa perabut, tanpa bekalan api dan air pada masa ini membayar sewa yang sama seperti kakitangan Kerajaan yang lain yang mendiami Rumah-rumah Kerajaan dalam bandar dengan dilengkapi perabut, serta mempunyai bekalan api dan air. Jika sedar, adakah beliau akan meninjau perkara ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya iaitu samada melengkapkan rumah-rumah tersebut ataupun menurunkan sewanya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh Jafaruddin): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Pejabat Pelajaran Sabah yang mengkaji keadaan dan kemudahan yang ada di rumah-rumah guru di luar bandar. Setelah butir-butir lengkap diperolehi dan dianalisa perakuan akan dibuat bagi menetapkan sewa yang sesuai dengan rumah-rumah itu. Pada masa ini kadar yang dikenakan ialah 10% daripada gaji pokok.

LARANGAN ENCIK LIM KIT SIANG/ LEE LAM THYE KE SABAH/ SARAWAK

8. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa Ahli Parlimen DAP Encik Lim Kit Siang dan Encik Lee Lam Thye tidak dibenarkan masuk ke Sabah dan Sarawak baru-baru ini. Sila sebutkan juga samada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak mempunyai kuasa di bawah Undang Imigeresen melarang seseorang Menteri Federal masuk negerinya.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan ini adalah sama dengan jawapan yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 10-10-1978.

PERKHIDMATAN BOMBA

9. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada beliau mengetahui bencana kebakaran yang berlaku di Kajang, kawasan Ulu Langat pada 29hb dan 30hb Ogos dan

satu lagi pada 1hb September, yang lalu. Jika ya, adalah beliau akan mempertimbangkan untuk memperbaiki Perkhidmatan Bomba di kawasan tersebut dengan:

- (a) memberi perkhidmatan baik pada masa depan dengan menggantikan kereta bomba yang ada sekarang kepada kereta bomba yang moden dan juga menambah sebuah lagi kereta bomba yang moden; dan
- (b) merobohkan bangunan yang ada dan kemudian membina semula sebuah bangunan Balai bagi Daerah Ulu Langat yang lebih besar, lebih moden dan up-to-date serta lengkap dengan kemudahan-kemudahan memandangkan pertambahan penduduk dan pembangunan daerah tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya telah sedia mengetahui bencana kebakaran yang berlaku di Kajang kawasan Ulu Langat pada 29hb dan 30hb Ogos, dan satu lagi pada 1hb September, yang lalu.

- (a) Sememangnya hasrat dan tujuan Kerajaan bagi memperbaiki Perkhidmatan Bomba pada masa ini dan juga masa hadapan. Rancangan-rancangan telahpun diatur bagi menggantikan kereta-kereta yang dianggap telah tidak sesuai dengan kereta-kereta yang termoden dan juga tambahan kepada yang sedia ada; dan
- (b) Rancangan juga telah diatur bagi memperbesarkan Balai-balai Bomba yang sedia ada sekarang di Daerah Ulu Langat, dengan Balai Bomba yang selesa dan up-to-date serta dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan selaras dengan perkembangan pembangunan daerah Ulu Langat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ketiga \$20 juta telah diperuntukkan untuk membeli alat bomba bagi menggantikan dan menokok

tambahan dengan yang sedia ada. Dalam perkara ini pesanan telah dibuat akan juga terus dibuat sekiranya usaha-usaha ini berjalan dengan licin. Keperluan-keperluan tersebut akan dapat diselesaikan menjelang akhir Rancangan Malaysia Ketiga. Buat masa sekarang ini alat-alat yang telah dipesan telah mulai diterima dan ditempatkan di Balai-balai Bomba yang sangat penting dan memerlukannya.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga juga peruntukan telah disediakan untuk mendirikan balai dan rumah kakitangan yang agak sempurna dan selesa bagi Balai Bomba di Daerah Ulu Langat ini telahpun dimasukkiran.

Puan Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mahu meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri samada beliau ada melawat Balai Bomba di Ulu Langat supaya Yang Berhormat akan faham keadaan Balai Bomba di sana.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya belum melawat ke daerah-daerah, tetapi rancangan pertamanya saya melawat pada tiap-tiap negeri. Saya harap tidak lama lagi saya akan melawat ke Ulu Langat.

Tuan P. Patto: Nampaknya pihak Kerajaan biasa berlumba-lumba melawat tempat selepas kebakaran, adakah menjadi dasar Kerajaan untuk mengadakan engin-engin baru dan membina Balai Bomba yang baru apabila satu-satu kebakaran itu berlaku dan baharu sahaja mereka membina dan bukan sebelumnya?

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa kejadian kebakaran di dalam negara ini telahpun bertambah. Dan pihak Kementerian telahpun mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah-masalah berbangkit daripada perkara-perkara tersebut. Satu daripadanya ialah tambahan perbelanjaan untuk memperbaiki lagi Perkhidmatan Bomba terutama sekali melalui pembelian dan penam-bahan mesin dan kereta-kereta bomba yang

moden serta menambahkan bilangan anggota-anggota bomba dan pembinaan Balai-balai yang lapuk.

Tuan Lee Lam Thye: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini samada Kerajaan bercadang untuk menyediakan Perkhidmatan Bomba di tiap-tiap bandar kecil dan juga kampung-kampung baru di negara kita dan sekiranya Kerajaan bercadang berbuat demikian, apakah langkah-langkah yang telah diambil ke arah ini?

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengadakan Balai Bomba di bandar-bandar kecil atau kampung-kampung baru ialah bukan di dalam rancangan Kementerian saya sekarang. Tetapi ini boleh ditimbangkan pada masa hadapan.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apakah sebabnya kereta-kereta bomba yang berumur melebihi 16 tahun yang ada di Melaka masih digunakan, kerana saya telah melapurkan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan salah satu kebakaran yang berlaku saya ada mengekori sebuah kereta bomba dan mengikut meter saya laju kereta itu ialah 30 b.s.j.

Tuan Yang di-Pertua: Jalan tidak besar?

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat esok pagi pukul 9.30 pagi, saya akan melawat negeri Melaka untuk menyaksikan sendiri. Saya harap keadaan itu boleh ditukar tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Puas hati?

Tuan Chan Teck Chan: Ya.

LALULINTAS DI SELAT MELAKA

10. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejak pelaksanaan undang-undang lalulintas dikuatkuasakan kepada kapal-kapal besar yang melalui Selat

Melaka, berapa banyakkah tuan-tuan punya kapal yang melanggar undang-undang tersebut.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, sekim lalulintas bagi kapal-kapal yang belayar melalui Selat Melaka belum lagi dikuatkuasakan.

BEKALAN LETRIK LUAR BANDAR

11. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan samada masih ada lagi terdapat rancangan bekalan letrik luar bandar bagi tahun-tahun 1975, 1976 dan 1977 yang be'um terlaksana sekarang, dan jika ya, berikan butir-butirnya bagi tiap-tiap negeri dan kenapa berlakunya kelewatan tersebut.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, memang benar banyak projek-projek bekalan letrik luar bandar dalam tahun-tahun 1975, 1976 dan 1977 yang belum terlaksana dan butir-butir tiap-tiap negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah projek-projek yang belum diseiapkan		
	1975	1976	1977
Perlis	—	3	5
Kedah	3	19	34
Pulau Pinang	5	1	—
Perak	—	18	37
Selangor	—	5	39
Negeri Sembilan	—	—	23
Melaka	—	1	16
Johor	1	8	25
Pahang	2	13	33
Trengganu	—	38	61
Kelantan	1	127	126
Jumlah	—	—	—
	12	233	399

Sebab-sebab berlakunya kelewatan tersebut pada keseluruhannya adalah seperti berikut:

- (a) Bekalan bahan-bahan yang perlu seperti tiang-tiang kayu dan pengalir aluminium yang terhad menyebabkan banyak projek tidak boleh dimulakan atau perlaksanaannya terganggu.
- (b) Kekurangan kontraktor masih dirasakan terutama di negeri-negeri Pantai Timur di mana berlipat ganda projek-projek bekalan letrik luar bandar telah diluluskan berbanding dengan tahun-tahun yang lalu. Akibatnya jumlah projek yang dapat dilaksanakan adalah terhad seperti yang didapati di Kelantan, Trengganu, Pahang dan Perak.
- (c) Projek-projek bekalan letrik luar bandar yang melibatkan pembayaran gantirugi tanah dan pokok untuk membina talian voltan tinggi. Lazimnya mengambil masa untuk menyelesaikannya walaupun perkara ini dibuat dengan kerjasama Pejabat Daerah.
- (d) Banyak projek yang tergendala perlaksanaannya kerana menunggu kebenaran daripada tuan tanah untuk menebang pokok-pokok sebelum tiang-tiang dan Sesalur Voltan Rendah dapat didirikan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Kelantan mengatasi yang lain, sebanyak 254 rancangan yang terlibat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan daripada 4 sebab kenapa terdapat kelewatan ini saya dapati terutama soal bahan, kontraktor, tanah dan kebenaran lalu. Apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian beliau sejak terasanya gangguan ini semenjak 3 tahun yang sudah, umpamanya:

- (a) bahan terutamanya dari segi tiang;
- (b) kekurangan kontraktor terutamanya untuk kawasan Pantai Timur; dan
- (c) perkara yang melibatkan Kerajaan Negeri iaitu soal tanah dan juga soal kebenaran lalu oleh tuan-tuan punya tanah.

Tuan Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memanglah mengambil tindakan yang berat atas mengatasi masalah yang saya sebutkan tadi. Oleh yang demikian, langkah-langkah telah dan sedang diambil bagi mengatasi masalah yang dinyatakan oleh saya tadi adalah seperti berikut:

- (1) Kita ada menubuhkan satu unit di LLN, satu unit menumpukan sekali untuk menjalankan projek-projek bekalan letrik luar bandar.
- (2) Kita juga ada mengadakan satu task force. Task force ini menumpukan sekali lagi untuk mengatasi semua masalah yang didapati, ini termasuk Negeri Kelantan, Negeri Trengganu, Negeri Kedah dan Negeri Perlis.
- (3) Kita juga menambahkan kontraktor yang membekalkan tiang kayu, dari sekarang kita ada dapat 9 kontraktor yang sudah termasuk dalam lis LLN.
- (4) Kita, bagi mempercepatkan pelaksanaan negeri-negeri yang didapati lemah seperti Kelantan dan juga Trengganu, pemborong daripada negeri-negeri lain telah dipelawa seperti daripada Pulau Pinang dan juga dari Kuala Lumpur untuk bekerja di Kelantan dan Trengganu tidak dengan cara pengeluaran tender tetapi dengan menggunakan jadual harga tetap.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan di sini bahawa pada awal tahun 1977 hanya 40% sahaja daripada Rancangan Malaysia Kedua boleh dapat dilaksanakan dan peruntukan bagi Rancangan Malaysia Ketiga telah juga dilipatgandakan. Tetapi selepas tertubuhnya pasukan bertugas yang saya sebutkan tadi, semua back log projek Rancangan Malaysia Kedua di Kelantan dan di Trengganu telah dapat disiapkan pada akhir bulan Mac, 1978. Semua projek tahun 1976 dan 50% daripada projek tahun 1977 di Kelantan dan di Trengganu adalah dijangka disiapkan pada akhir tahun ini.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, salah satu perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi adalah berkenaan dengan kayu-kayu tiang dan beliau juga telah

menyebutkan berkenaan dengan kontraktor tempatan. Saya ingin bertanya, adakah menjadi amalan Kementerian ini untuk memberi keutamaan kepada kontraktor-kontraktor atau pembekal-pembekal tiang letrik tempatan supaya dapat mengelakkan time factor dari segi pengangkutan.

Tuan Leo Moggie anak Irok: Apa soalnya tadi?

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ulang sekali lagi.

Tuan Hussein bin Mahmood: Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, supaya soal pengangkutan tiang letrik ini tidak timbul, misalnya daripada Selangor ke Kelantan dapat dilakukan, apakah menjadi dasar Kementerian beliau supaya kontraktor-kontraktor tempatan dalam membekalkan tiang-tiang ini diberi keutamaan.

Tuan Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, kekurangan kontraktor ini, kekurangan yang pertama kontraktor tempatan dan juga termasuk kekurangan kontraktor di seluruh negara untuk menyediakan tiang-tiang dan bahan-bahan yang saya sebutkan tadi. Oleh kerana demikian, pihak Lembaga Letrik Negara sekarang ini menjalankan satu pool sistem di mana bahan-bahan yang diperlukan diorder oleh task force yang saya sebutkan tadi dari mana-mana kontraktor-kontraktor yang dapat memberi, sesudah itu pada tiap-tiap bulan memberi butir-butir yang diperlukan di tiap-tiap negeri di mana rancangan ini nampak masih kurang dijalankan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam keterangan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi menyatakan salah satu sebab kelewatan pembekalan letrik ini adalah disebabkan oleh kebenaran lalu. Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa ada beberapa kes, dalam kawasan saya sendiri ada 10 kes yang pengguna-pengguna ini tidak dapat bekalan letrik disebabkan oleh tuan tanah tidak memberi kebenaran lalu, dan kebenaran lalu ini menjadi satu halangan yang besar. Setelah kita adakan perjumpaan dengan tuan tanah yang berkenaan di Pejabat Daerah dan sebagainya masih lagi tuan tanah berdegil tidak mahu membenarkan tanahnya dilalui oleh wayer-wayer letrik. Jadi, oleh sebab halangan ini

pihak Kerajaan telah disalahkan oleh rakyat yang berkenaan, mengatakan Kerajaan lemah dalam hendak membekalkan letrik kepada rakyat pun tuan tanah masih berkuasa daripada Kerajaan, padahal hendak minta kebenaran lalu sahaja Kerajaan tidak dapat berikhtiar. Jadi, dalam hubungan ini adakah Kementerian yang berkenaan bercadang hendak mengadakan satu undang-undang supaya mana-mana tuan tanah yang berdegil tidak membenarkan wayer letrik lalui di tanahnya diadakan satu undang-undang supaya memaksa mereka memberi kebenaran ini.

Tuan Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soal undang-undang atau perkara tanah ini bergantunglah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, tidaklah perlu saya menyatakan di sini. Tetapi saya bersetuju untuk apa yang didapati oleh Ahli Yang Berhormat tadi banyak kelewatan ini kerana tuan punya tanah biasanya kadangkadangkang tidak memberi kebenaran untuk menjalankan tali. Kita cuma berhubung sekarang dengan Kerajaan-kerajaan Negeri di tiap-tiap negeri untuk mengambil tindakan memujuk tuan punya tanah ini membenarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Memujuk ada bayaran atau pujuk sahaja?

Tuan Leo Moggie anak Irok: Sekarang ini memujuk dengan bayaran.

Tuan Awang bin Jabar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Salah satu daripada sebab kelewatan projek-projek LLN ini sebagaimana yang diberitahu oleh Menteri yang berkenaan ialah shortage atau kekurangan tiang-tiang. Jadi saya ingin tahu apakah jenis kayu yang digunakan untuk menjadi tiang LLN?

Yang kedua, apakah satu dasar ataupun semacam amalan yang dilakukan oleh LLN menyiapkan kayu-kayu yang akan dijadikan tiang ini disiapkan di negeri yang berkenaan atau diimpot dari negeri lain, umpamanya yang hendak digunakan di Melaka diambil kayu daripada Kelantan, begitulah seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan bahagian yang kedua ini telah berjawab tadi; cuma yang pertama itu sahaja.

Tuan Leo Moggie anak Irok: Fasal tiang-tiang ini saya lupa apa jenis kayu yang digunakan kerana saya sendiri tiada pengetahuan dalam forestry, tetapi untuk menjawab sedikit atas soalan Ahli Yang Berhormat itu tadi, tiang-tiang yang digunakan sekarang ini memanglah mencukupi atas segi faktor standard yang kita perlukan, asalkan tiang itu dapat dalam segi standard yang digunakan oleh kita, ini dapat digunakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ramai hendak bertanya lagi! Ada satu lagi soalan. Ahli Yang Berhormat dari Baling.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Soalan tambahan. Dari angka-angka yang diterangkan oleh Menteri berkenaan menunjukkan bahawa usaha-usaha untuk membekal letrik di luar bandar itu menemui kegagalan yang nyata dan Kerajaan atau Kementerian berkenaan telahpun menubuhkan satu Task Force untuk mengatasi kegagalan ini. Sejak bilakah ditubuhkan Force itu dan sekadar manakah keupayaan yang ada sekarang ini dan bolehkah Menteri berkenaan memberi jaminan bahawa rancangan-rancangan ini akan dapat diselesaikan dengan secepat mungkin dan bolehkah beliau memberi jaminan bahawa keupayaan Task Force ini dan juga usaha-usaha ke arah menjayakan rancangan ini dapat dilaksanakan dengan berkesan dan dalam jangka waktu yang secepat mungkin.

Tuan Leo Moggie anak Irok: Task Force ini ditubuhkan dalam bulan tiga tahun ini. Itu jawapan bagi soalan yang pertama.

Bagi soalan yang kedua itu tadi, memang nampak bertambah kecepatan LLN untuk mengadakan projek-projek yang sudah diluluskan sesudah tertubuh Task Force yang saya sebutkan tadi. Bagaimana saya sudah sebutkan tadi, untuk satu bandingannya dalam tahun 1977 hanya 40% daripada Rancangan Malaysia Kedua telah dapat dilaksanakan tetapi selepas tertubuhnya Pasukan Petugas semua backlog projek Rancangan Malaysia Kedua di Kelantan dan di Trengganu telah dapat disiapkan pada akhir bulan Mac tahun ini dan semua projek tahun 1976 dan 50% daripada projek tahun 1977 dijangka dapat disiapkan dalam hujung tahun 1978. Memanglah kita tidak tahu kemungkinannya hendak manghabiskan semua projek-projek yang dibenarkan atau yang telah diluluskan.

HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN CUBA/ALBANIA

12. Tuan P. Patto minta Menteri Luar Negeri menyatakan sebab-sebab Kerajaan Malaysia enggan menubuhkan perhubungan diplomatik dengan negara-negara seperti Cuba dan Albania dengan dasar berkecuali dan persahabatan dengan semua negara tanpa mengira ideoloji-ideoloji sesebuah Kerajaan, dan adakah Kerajaan bersedia menubuhkan perhubungan diplomatik dengan kedua-dua negara ini, jika ya, bila; dan jika tidak, mengapa.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Malaysia untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan semua negara yang ingin bersahabat dengan kita dan kita akan mengadakan pertukaran perwakilan dengan negara-negara tersebut di dalam lingkungan keupayaan kita.

Berkaitan dengan Cuba, kita telah bersetuju mengadakan pertukaran perwakilan dengan negara itu pada 6hb Februari, 1975 dan Cuba telah menauliahkan secara serentak Duta Besar pertamanya ke Malaysia pada bulan Januari 1976 daripada Tokyo. Tidak berapa lama lagi Wakil Tetap Malaysia di Bangsa-bangsa Bersatu di New York akan ditauliahkan secara serentak juga ke Havana. Malaysia masih lagi belum mempunyai perwakilan diplomatik dengan kebanyakan negara-negara dan salah satu daripadanya ialah Albania.

(Jawapan bagi Pertanyaan No. 2 adalah diberi di bawah ini)

KAYU GERGAJI

2. Tuan Au How Cheong minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) Berapa banyaknya kayu gergaji yang telah dikeluarkan di Semenanjung Malaysia pada tahun 1976 dan 1977;
- (b) Berapa peratus darinya diekspotkan;
- (c) Adakah Kementerian beliau menganggap kayu gergaji mencukupi untuk kegunaan dalam negara kita. Jika tidak samada Kerajaan akan memberi pertimbangan supaya kayu gergaji dihadkan untuk ekspot; dan

- (d) Samada Kerajaan akan membenarkan kayu balak diimpot untuk memenuhi keperluan pasaran tempatan.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong):

- (a) Jumlah pengeluaran kayu gergaji di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

Tahun 1976—4,791,784 cubic metres.

Tahun 1977—5,106,232 cubic metres.

- (b) Peratus kayu gergaji yang diekspot pada tahun 1976 ialah sebanyak 55.12% (2,641,500 cubic metres) dan bagi tahun 1977 sebanyak 50.55% (2,581,500 cubic metres).

- (c) Di antara tahun 1971-1977 adalah didapati kira-kira 51% daripada pengeluaran kayu gergaji diekspotkan keluar negeri, sementara 49% daripadanya tetap berada dalam negeri untuk memenuhi keperluan tempatan tempatan untuk perumahan dan pemerosesan lanjutan oleh industri-industri berasaskan kayu. Bagaimanapun adalah dianggarkan bahawa 49% yang tidak diekspotkan itu belumlah lagi mencukupi untuk memenuhi keperluan tempatan terutamanya di mana kayu gergaji dari jenis tertentu diperlukan. Di antara faktor-faktor utama kekurangan ini berlaku ialah disebabkan oleh permintaan luar negeri yang tinggi akibat dari perkembangan perusahaan pembinaan yang meningkat di negara-negara maju. Di samping itu, peningkatan dalam aktiviti pembinaan di dalam negara ini dan pertambahan dalam jumlah kilang-kilang yang memproses kayu gergaji pada peringkat lanjutan telah juga menyebabkan kekurangan ini.

Bagi memenuhi permintaan tempatan yang khusus seperti bekalan tiang elektrik kepada LLN yang memerlukan kayu gergaji dari jenis dan 'dimensa' yang tertentu, pihak Kementerian saya melalui Lembaga Perindustrian Kayu-kayuan Malaysia telah menubuhkan satu 'consortium' pengilang-pengilang papan supaya dapat membekalkan LLN secukupnya dari segi kuantiti, kualiti, masa dan dimensa kayu gergaji yang diperlukan.

Selain daripada itu Kerajaan juga telah pun dan akan melaksanakan beberapa langkah yang bertujuan untuk memperbanyakkan bekalan kayu balak di dalam negeri ini dan seterusnya menambahkan lagi bekalan kayu gergaji untuk kegunaan tempatan.

- (i) Pihak Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan menggalakkan lagi penggunaan kayu-kayu balak yang kurang dikendalikan (lesser known species of local timber), yang merupakan 70% dari sumber-sumber kayu gergaji negara. Adalah dianggarkan bahawa terdapat kira-kira 2,500 jenis kayu yang berada dalam hutan-hutan belantara di Semenanjung Malaysia dewasa ini.
- (ii) Pihak Kerajaan juga bercadang meneruskan sistem quota ke atas pengeksportan ke semua jenis kayu yang mempunyai garis pusat 16" dan lebih dan sistem quota telahpun dilaksanakan sejak tahun 1976 lagi.
- (iii) Pihak Kerajaan juga bercadang meneruskan pengharaman pengeksportan ke atas 11 jenis kayu balak tertentu yang bermula pada November 1972 dan ditambah lagi bagi meliputi 3 jenis kayu balak yang baru iaitu Cengal, Balau dan Kempas. Langkah ini telahpun diambil pada 1-3-1978 dan dengan ini menjadikan jenis kayu yang dilarang untuk diekspot kepada 14 kesemuanya.

Bagaimanapun pihak Kementerian saya akan mengkaji keadaan ini dari masa ke semasa dan mengambil tindakan yang sesuai bagi memastikan bahawa bekalan kayu gergaji akan tidak mengalami kekurangan yang genting. Setakat ini pihak Kerajaan belum lagi mempunyai cadangan untuk menghadkan pengeksportan kayu gergaji; kecuali kayu gergaji jenis Sepetir dan Nyatoh yang mempunyai permintaan yang tinggi terutama dari kilang-kilang perabut telah dilarang pengeksportannya dalam bentuk yang tidak digred.

- (d) Setakat ini Kementerian saya telahpun menimbangkan kemungkinan mengimpot kayu-kayu balak ke Semenanjung

Malaysia untuk memenuhi keperluan pasaran tempatan terutamanya kayu balak jenis yang tertentu yang selalu sahaja mengalami bekalan yang tidak mencukupi.

Oleh sebab memandangkan bahawa ada kemungkinan bekalan tempatan semakin berkurangan, Kementerian saya sememangnya bercadang untuk menambahkan bekalan ini dengan cara mengimpot kayu balak dari luar negeri untuk memenuhi bukan saja keperluan tempatan terutamanya ketika kekurangan semusim (seasonal shortages) yang berlaku di masa tengkujuh tetapi juga untuk memperbaiki penagehan bekalan kayu kepada perusahaan memproses kayu tempatan di samping untuk memperlahankan kegiatan membalak sesuai dengan langkah penjimatan punca hutan.

Buat masa ini pengimpotan kayu balak dari luar negeri adalah dikenakan cukai impot sebanyak 15% dan cukai tokok sebanyak 5% dan cukai-cukai ini adalah dianggap sebagai satu "beban" oleh pengimpot-pengimpot. Bagaimanapun soal untuk memberi pengecualian atas cukai impot dan cukai tokok ini adalah masih dalam pertimbangan pihak Kementerian.

Dalam hubungan ini juga, untuk memenuhi keperluan pasaran tempatan khususnya di Semenanjung Malaysia Kementerian saya telahpun membenarkan beberapa buah syarikat untuk membawa masuk kayu balak dari Sabah dan Sarawak khususnya untuk kegunaan mereka sendiri.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Kanun Tanah Negara; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sakarang." (23hb Oktober, 1978).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1979

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang barikut ini dirujukkan kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,861,133,382 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1979, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1979 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 tahun 1978, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (23hb Oktober, 1978).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Kangar meneruskan ucapannya sebagaimana yang dijanjikan semalam, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian iaitu sekiranya ada di antara dalam tempoh 9 hari ini, sebagaimana yang telah saya katakan, untuk membincangkan Belanjawan atas dasar am dan pentadbiran am iaitu 9 hari bagi Ahli-ahli Yang Berhormat, 2 hari bagi Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab tetapi sekiranya tidak ada seorangpun bangun pada satu masa seperti hampir-hampir terjadi pada petang semalam, maka ini boleh diertikan bahawa perbahasan ini sudah tamat dan saya akan minta Yang Berhormat Menteri mula menjawab. Jadi tidak sampai 11 hari, sehari

atau 2 hari selepas itu sambung pada membahaskannya di dalam Jawatankuasa. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedar perkara ini, kalau tidak diertikan tidak ada perbahasan lagi dan tamat perbahasan dan saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

Sekarang saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Kangar menyambung ucapannya.

3.39 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya pada petang semalam, sebagaimana kita sama-sama maklum negara kita telah menjalankan pemerintahan dengan begitu baik, sebab itulah mendapat sokongan daripada rakyat jelata walaupun telah ada 6 kali pilihanraya namun begitu Kerajaan yang berdasarkan parti kita memerintah ini juga tetap memerintah negara kita. Ini adalah disebabkan Kerajaan kita menjalankan sesuatu yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu sesuatu perkara yang telah dibuat oleh seseorang ataupun Kerajaan tetapi yang paling mustahak ialah dua tiga perkara. Pertama hendaklah sesuatu perkara itu baik. Kedua, diketahui oleh umum. Kalaulah satu perkara itu baik sekalipun, umum tidak mengetahui maka perkara itu tidak bererti.

Maka di sini saya tegaskan salah satu Kementerian yang penting dalam Kerajaan kita ialah Kementerian Penerangan dan Penyiaran sebagai Menteri yang akan menyiarkannya, akan beritahu apa yang saya katakan tadi kerana sesuatu perkara itu kalaulah kita tidak dapat menyampaikan kepada seseorang walaupun baik, orang itu tidak dapat mengenal dan tahu. Sebab itulah biasa dikata di dalam pantun: Tidak kenal, maka tidak cinta. Kalau seorang bagaimana dia baiknya.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan pantun!

Tuan Shaari bin Jusoh: Bukan pantun.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya, Tuan Yang di-Pertua, tak kenal maka tak cinta. Jadi bererti satu benda kalau dia tidak kenal dulu, bererti tentulah dia tidak cinta, walaupun benda itu baik sekalipun. Apatah lagi kalau

tidak baik. Jadi kesimpulannya mengenali itu adalah perkara mustahak. Dengan sebab itulah juga, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya, di dalam sejarah nabi-nabi, cara penyampaian juga amatlah mesra. Sebab itu Nabi Musa dan Nabi Harun kalau tidak silap saya, Nabi Musa itu kurang sedikit pelancaran lidahnya, maka dia minta Tuhan melancarkan dia dan kalau boleh minta adiknya Harun untuk membantunya menyampaikan segala apa yang diperintahkan oleh Tuhan.

Jadi pemerintahan secara memberitahu itu amatlah perlu. Dan begitulah juga kalau tidak silap saya, masa budak-budak sekolah Arab belajar, saya belajar sedikit-sedikit. Dia ajar: Rabbisyahli sadri, wayasirli amri, wahlulukdatan minlisani, yafkahukauli.

Kalau tidak silap saya maksudnya . . .

Tuan Yang di-Pertua: Itu doa terang hati.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya, itu doa terang hati (*Ketawa*). Kalau tidak silap saya maknanya:

“Ya Tuhan ku lapangkanlah bagiku akan dadaku, mudahkanlah bagiku akan urusanku, huraikanlah akan simpulan dari lidahku hingga mereka faham akan perkataanku.”

Jadi fasih lidah ini amatlah mustahak dan dikehendaki. Begitulah di dalam satu-satu perkara. Dengan sebab itu, saya tegaskan Kementerian Penerangan ini amatlah mustahak dan wajib memainkan peranan yang sangat penting pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya sambung perkara-perkara lain apa yang sangkut dengan penerangan, sukalah saya kata, manusia ini banyak tabiat ataupun kemahuan. Mengikut di dalam ilmu jiwa, ada mengatakan yang manusia ini ada berbagai-bagai kemahuan, berbagai-bagai orizah kata Arab. Orizah bidiyah, kalau tidak silap saya, lelaki suka kepada perempuan dan perempuan suka kepada lelaki. Suka kepada harta-benda, suka kepada berkumpul, suka kepada meniru dan suka kepada yang dikatakan dia itu ada nama atau pangkat. Ini adalah tabiat manusia semulajadi.

Tetapi ada di antara kemahuan itu yang lebih satu jenis daripada satu jenis atau satu pihak daripada satu pihak. Ada setengah itu dia lebih kemahuan mencari harta-benda. Dengan sebab itu ada setengah kita tengok orang dia tidak peduli seperti samada orang

kata baik tidak baik asal dia dapat jadi kaya, baiklah aku. Bini cantik, tidak cantik tidak ada masalah bagi dia, yang dia hendak, kekayaan. Ada setengah kuat kepada kemahuan lelaki daripada perempuan. Tidak ada harta pun tidak apa asal dapat berbini banyak, itulah kemegahan bagi dia, yang utama.

Tuan Yang di-Pertua: Perkataan “bini” di dalam Parlimen tidak usahlah dipakai.

Tuan Shaari bin Jusoh: Maaf, isteri: Isteri banyak. Dan setengah pula suka berkumpul. Ini semua tabiat manusia. Dan salah satu daripada tabiat manusia yang saya kata tadi kalau di dalam bahasa Melayu, kalau tidak silap saya kalau hendak tepat, hendak dikatakan tidak eloklah, hendak nama. Manusia hendak nama, hendak dipuji, pantang dicaci. Ini satu tabiat manusia yang asal yang payah bagi kita hendak hilangkan termasuk semua orang kecuali ada sedikit dengan banyaknya sahaja. Ini tabiat manusia.

Maka dengan tabiat inilah, Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya berkata terus terang, berlaku sebagaimana kata Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi, mengapa Dewan ini sunyi pada petang semalam. Ini pendapat saya. Saya tidak marah kepada kawan-kawan. Ini ada pada tabiat manusia termasuk saya pun, tidak banyak sedikit mesti ada.

Dewan Negara dan Dewan Rakyat bersidang serentak dari 23hb hingga 27hb Oktober, 1978. Sebagai manusia yang saya katakan tadi, dia bercakap di dalam Dewan ada dua tujuan. Tujuan pertama, hendaklah apa yang disuarakan dari kehendak rakyat itu dilaksanakan oleh Kerajaan. Itu kehendak pertama. Dan kehendak yang kedua, sebagai Wakil Rakyat biarlah apa yang disuarakan oleh rakyat, atau disuarakan olehnya itu, diketahui oleh umum sekurang-kurangnya melalui TV, radio, suratkhbar dan sebagainya.

Ini saya katakan terus terang, Tuan Yang di-Pertua, kerana ini lumrah alam dan kehendak manusia. Kita tidak boleh nafikan. Dan saya tidak nafikan yang soal pertama tadi ada kehendak apa yang disuarakan, sepatutnya d'penuhi oleh Kerajaan. Tetapi kehendak yang kedua, itu memang ada. Ada di dalam Dewan ini, bukan saya dan saya tidak mahu sebut nama. Ini kehendak alam dan juga kehendak manusia. Selepas dia bercakap di dalam Parlimen

ini, dia talipon ke rumah dia. Dia kata: “Aku sudah bercakap tadi.” Saya sendiri dengar dia bercakap dalam bahasa Inggeris. Jadi tabiat manusia kita tidak boleh nafikan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia talipon siapa?

Tuan Shaari bin Jusoh: Dia talipon isterinya.

Tuan Yang di-Pertua: Isteri dia di rumah (*Ketawa*).

Tuan Shaari bin Jusoh: Dan bukan saya, tetapi saya tidak mahu sebut dan saya tidak marah kepada dia.

Tuan Yang di-Pertua: Tak usah sebutkan nama.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya. Ini adalah lumrah alam dan lumrah manusia. Jadi ini kita tidak boleh nafi. Dengan keadaan Dewan yang berlaku menjadi lengang, bukan kawan-kawan tidak mahu bercakap dan tidak pandai bercakap. Pada pendapat saya ada dua sebab; satu, kerana setengah-setengahnya hendak membuat persediaan dahulu dan sebab yang kedua seperti yang saya katakan tadi, kerana Dewan Negara dan Dewan Rakyat bermesyuarat serentak 4 jam bermakna 240 minit. Jumlah kedua-duanya 480 minit. Tetapi yang disiarkan di dalam TV 20 minit kalau dicampur 200 tidak sampai 400 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat ada semalam di dalam TV, saya tengok.

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Itu tidak apalah. Ini saya bercakap atas point yang sebenar. Dan yang paling diutamakan di dalam TV dan radio ialah ucapan Menteri. Saya tidak marah, Tuan Yang di-Pertua, itu tepat. Kerana ucapan Menteri dan jawapan Menteri adalah dasar yang dia telah buat dan dia akan buat. Lebih penting daripada saya dan semua wakil-wakil rakyat. Tetapi wakil-wakil rakyat pun memang inilah hendak masuk TV tetapi apa hendak buat pada masa lain TV tidak datang. Jadi apa yang diucapkan oleh Menteri dan yang banyak dan penting, itu tidak saya nafikan. Dan saya tidak menentang, saya sokong. Tetapi memandangkan kepada apa yang saya katakan

tadi, kalau boleh saya cadangkan supaya siaran mengenai Lapuran Dewan Rakyat dan Dewan Negara kalau boleh dipanjangkan sedikit. Kalau hari ini 20 minit dijadikan sekurang-kurangnya 30 minit, itu pendapat saya. Ini tabiat manusia, kita tidak boleh buat. Jadi jangan kita lawan kehendak alam. Kalau kita lawan kehendak alam tinggal kita seorang, alam ini tetap berjalan. Itu tabiat manusia.

Yang kedua, di dalam rancangan-rancangan TV ini pun saya fikir patutlah diubahsuakan kerana rancangan TV ini menarik minat ramai. Dan kadang-kadang setengah orang kalau tengok TV ini walaupun orang-orang yang tidak tertarik seperti budak-budak pada masa dahulu dia tengok pistol pun takut. Tetapi kerana dalam TV cerita cowboy terlampau banyak bermain pistol, budak-budak pun dia berani hendak beli pistol. Walaupun pistol itu pistol buatan ataupun pistol mainan, mereka itu seronok. Saya tidak menentang, saya menentang kehendak alam, saya juga akan dikatakan bodoh seperti yang saya katakan tadi. Saya kadang-kadang merasakan takjub terhadap cerita "Combat". Orang ramai amat tertarik lebih-lebih lagi kanak-kanak. Kanak-kanak yang tidak tahu baca A dengan B sudah tertarik untuk menonton "Combat". Umur empat tahun dia sanggup tengok "Combat". Begitulah saya kata, di dalam cerita itu membawa manusia kepada satu matlamat. Dan yang paling saya hairan dan takjub sekali di dalam cerita "Combat" ini, saya tidak marah Pejabat Penerangan tetapi barangkali tidak tahulah saya, ada kontek ataupun tidak dengan pengedar filem di Amerika. Kalau tidak silap saya, dalam filem "Combat" ini Amerika lawan Jerman. Dia berperang tidak pernah sekali menang Jerman. Satu lawan 15 pun Amerika juga menang. Ini apa cerita? Kadang-kadang saya teringat TV ini pun membawa manusia ke suatu zaman khayal walaupun bukan zaman Alladin tetapi dekat Alladinlah, dan bolehlah dikatakan Alladin moden.

Jadi kalau boleh carilah satu cerita ataupun drama yang boleh membawa kesan yang baik sedikit. Apa hal pula kita dengan Jerman dan sebagainya kalau diketahui apa yang kita buat cerita yang semacam itu, seolah-olah memberitahu kepada rakyat Malaysia, Jerman tidak berguna, seolah-olah Amerikalah yang pandai selalu.

Ini saya minta buat kajian semula. Begitu juga dalam segi lain-lain rancangan, cerita-cerita lucu (lawak), saya juga sudah bercakap, orang ketawa ini selepas dia tengok sesuatu benda itu tetapi cerita orang puteh dalam TV, saya tak melarang tetapi saya minta buat kajian, kerana tiap-tiap satu rancangan, saya percaya apa-apa rancangan yang ditayangkan dalam TV tidak akan mendapat persetujuan dan kehendak 100% dari manusia yang ada dalam tanahair kita. Walau apa sekalipun, walau rancangan itu baik tidak baik, lucu tak lucu, hendakkan 100% orang bersetuju mesti tidak ada. Seperti saya katakan tadi, Lapuran Dewan Rakyat, ada orang kata apa hendak buat Lapuran Dewan Rakyat sampai setengah jam, tetapi ada orang kata patut sangat, kerana itu hak negara yang patut diketahui apa yang dibuat oleh Dewan Rakyat melalui TV, apa yang disuarakan oleh Wakil Rakyat kepada pengundinya. Tetapi ada yang berkata mengarut, baik dengan cerita lucu. Rancangan menyanyi dua beradek, setengah orang kata tiga jam pun tak apa, kanak-kanak suka sangat rancangan ini. Dengan sebab itu saya tegah dengan membawa rancangan TV kerana mereka megah, budak-budak sama-sama menari dan ini dengan tidak secara langsung kita mengajar mereka menari. Kalau boleh ubah cara-cara itu sedikit supaya sesuai dengan keadaan dan kehendak ramai.

Saya tengok rancangan muqaddimah masanya tidak sesuai yang disiarkan jam 6.50 petang. Pada masa itu kalau belum masuk waktu sembahyang Maghrib lagi tetapi hampir dan kadang-kadang tengah-tengah waktu sembahyang Maghrib. Saya percaya orang-orang yang tertarek dengan muqaddimah, walaupun tujuan TV hendak tarek orang ramai mendengar muqaddimah iaitu cara baca Quran apa maknanya dalam Quran

Tuan Yang di-Pertua: Baca Muqaddimah atau baca Muqaddam?

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Baca Muqaddam. Jadi rancangan Muqaddam ini diminati ialah satu benda itu ada ahlinya, jadi ahli Muqaddam ini, saya tak mahu kata orang yang tak sembahyang tak suka tengok rancangan Muqaddam, tetapi orang yang meminati rancangan Muqaddam ialah orang yang sembahyang dan kuat beragama, hendak

tengok cara baca Quran, cara baca Tajwid dan sebagainya. Apa yang berlaku waktu itu dia kena sembahyang dan masa itu Rancangan Muqaddam ditayangkan dalam TV. Ini tidak bersesuaian, ubahlah kepada satu masa yang sesuai. Kalau boleh sebagai menghormati selepas azan di TV rihat sekejap, walaupun 10 minit untuk mensesuaikan masa untuk sembahyang Maghrib. Betul kita mengejar masa, tetapi menghormati masa Maghrib amat perlu juga. Saya harap patut dibuat kaji semula.

Begitu juga di segi hiburan yang lain. Saya bukan kaki wrestling tetapi wrestling itu bagus juga. Tetapi saya tengok akhbar *Utusan Melayu* kalau tak silap saya, dua minggu yang lepas, katanya rancangan yang diminati ramai iaitu wrestling akan ditukarkan dengan rancangan lain. Jadi di sini fahamlah saya bahawa *Utusan Melayu* atau akhbar mengakui bahawa wrestling adalah diminati ramai tetapi ditukarkan dan digantikan dengan rancangan lain. Saya harap, sebagai rakyat kampung saya tahu semua rancangan TV ini amatlah diminati seperti rancangan sukan, rancangan membawa keugamaan dan berbagai-bagai lagi. Begitu juga Rancangan Cahaya tiap-tiap malam Jumaat. Ini bagus, amat berfaedah dan kalau boleh kita ambil sekali sekala, saya tak mahu kata pensusarahan-pensusarahan dalam Cahaya itu tak baik, saya berharap kalau dapat dipilih penceramah-penceramah yang lebih baik, ini amat berfaedah. Sebagai Contoh saya amat kagum seperti Dr Hamka sama-sama kita tahu. Cara penyampaian amat perlu, kalau seseorang bagaimana pandai sekalipun, apa yang dimaksudkan tak dapat ditangkap oleh orang yang dengar itu tidak begitu berkesan dan cara penyampaian yang tidak menyakit hati, itu patut dikaji dan ditimbang. Saya tengok dalam ucapan Dr Hamka apa yang disampaikan amatlah tertarik. Dengan sebab itu saya berharap kepada Kementerian Penerangan seboleh-bolehnya iktiharliah, kalau tidak tiap-tiap minggu, dua minggu sekali waimma dalam petikan dahulu kemudian disiarkan dalam TV sebaik-baiknya dengan dia sekali seperti biasa kita tengok, kerana kita tahu ucapannya selain dari karangannya yang amat menarik dan amat melapangkan jiwa, kerana manusia, pada pendapat saya sekaya-kaya manusia makan setakat kenyang, sesedap-sedap tilam tidur tidak boleh lebih daripada mengantuk. Dengan sebab itulah

biasa orang kata kekayaan yang sebenarnya bukanlah hartabenda, tetapi jiwa yang tenang dan tenteram, itulah kaya yang asli. Saya berharap, cara menarik dari segi jiwa amatlah penting dan mustahak. Jadi kita carilah penceramah-penceramah sebagaimana yang saya katakan tadi yang saya contoh salah seorang daripadanya Dr Hamka, amatlah penting.

Di samping itu dalam Kementerian Penerangan juga, saya berharap kepada Pegawai-pegawai luarnya kalau boleh, saya tak kata yang ada itu tidak baik, carilah yang lebih bijak, yang lebih menarik lagi. Kerana penerangan ini ialah satu alat mustahak. Orang hendak tahu baik tak baik melalui penerangan. Fitnah itu penerangan juga yang tidak benar dan penerangan yang tidak baik. Daripada mulut penerangan juga. Yang dinamakan fitnah kerana perkara yang tidak betul hendak kenakan kawan, asal-asal daripada mulut. Sebab itu penerangan amat penting bagi negara kita. Kita tambah lagi pegawai-pegawai penerangan yang berkebolehan, bukan sahaja berpelajaran tinggi, tetapi yang dapat menyampaikan kepada umum apa yang dikehendaki oleh Kerajaan dengan perasaan semangat bahawa orang tidak jemu, itu harapan saya. Dalam rancangan-rancangan lain patutlah diubahsuai. Kita bukan di negeri Barat, kita negeri Malaysia, walaupun bahasa Inggeris bahasa dunia, bahasa yang kedua dalam negara kita tetapi saya tak suruh buang bahasa Inggeris 100% kerana itu adalah melawan alam, tetapi janganlah bila orang tengok seolah-olah Malaysia ini ialah negeri Barat. Lawak cara barat, cerita cara barat 24 jam saya berani kata 70% ialah kebanyakannya yang berunsur kebaratan. Banyakkanlah sedikit cara timur kita baik segi cerita dan sebagainya. Janganlah ambil masa Bulan Puasa sahaja ditayangkan cerita Arab dan sebagainya dan bulan tak berpuasa pun, saya berpendapat patut diubahsuai dengan Bahasa Malaysia, cari cerita-cerita yang membawa semangat keislaman kebangsaan dan sebagainya. Cerita-cerita Melayu juga patut dibanyakkan lagi walaupun filemnya lama, jangan ditunjukkan cerita Indonesia selalu sangat, kalau boleh diiktiharkan kerana ini kehendak umum yang selalu disungutkan oleh Kementerian Penerangan.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat? Kalau dicampur ucapan Yang Berhormat semalam baru satu jam bercakap.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya bercakap lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh. Saya belum tahan lagi, cuma saya bertanya sahaja.

Tuan Shaari bin Jusoh: Panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung dari segi keselamatan adalah perkara penting dan keselamatan membawa Kera'ean terpaksa mengeluarkan wang banyak baik dari segi pembangunan, perniagaan dan sebagainya. Tetapi yang mendukacitakan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya contohkan satu di kilang gula di Perlis. Dia kongsi kalau tidak silap saya oleh dua, yang satu lagi saya pun tak faham: satu, LKTP; yang kedua PBB. Kilang Gula Sendirian Berhad dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan iaitu FELDA dengan tanamannya yang mendapat hasil yang begitu baik iaitu tanaman tebu di Perlis. Dengan adanya kilang gula ataupun ladang tebu di Perlis membawa nikmat saya percaya kepada negara kita Malaysia kerana kita ada gula. Saya amat bersyukur kepada Tuhan walaupun di Perlis tidak ada sumber minyak sebagaimana yang ada di Trengganu di Sabah dan Sarawak, yang kami adapun tanah tidak begitu banyak tetapi yang ada itu subur, bersesuaian sangat dengan tanam tebu. Kita tahu hari ini gula tidak cukup, Kerajaan terpaksa selalu kena beri subsidi tetapi kilang gula di Perlis telah memberi satu sumbangan yang besar kepada rakyat Malaysia walaupun tidak sepenuhnya tetapi yang mendukakan selalu diancam oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Selalu kita tengok melalui akhbar dan sebagainya ladang tebu di Perlis telah kena samun, ada kala orang yang bekerja menjadi mangsa tetapi kadang-kadang ada juga pihak pengkhianat negara itupun menjadi mangsa.

Dengan sebab itu saya mengesyor dan mencadangkan kepada Kera'ean, waimma Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan kerjasama Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah carilah satu jalan. Bila saya berjalan selalu dapat sungutan, baik daripada FELDA, kami ini mengeluarkan wang dengan begitu banyak tetapi sayang pihak keselamatan tidak terjamin. Kalau pihak FELDA mengadakan keselamatan ini adalah tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, dengan

sebab itu mereka tidak tahu hendak tuju ke mana tempat yang hendak minta dituju. Pihak PBB sendiri adalah pasukan kawalan keselamatan yang tidak begitu ketat. Saya berharap sangat kepada Kerajaan kerana dengan tidak adanya pihak keselamatan selalu orang menjadi mangsa dan kadang-kadang kalau satu-satu pembangunan, satu-satu kontrak ataupun buruh bila hendak tangkap satu-satu pembangunan di ladang tebu dia terpaksa selain daripada perbelanjaan membeli kenaikan barang simen, itu dan ini, dia terpaksa memasukkan sedikit perbelanjaan untuk hendak belanja hangus yang hendak beri suguhati kepada manusia jangan dikacaukan kerja itu.

Di sini fahamlah kita dengan sendirinya yang berbelanja itu kalau \$500,000 dia akan menjadi \$500,000 lebih walaupun had Kerajaan telah ditetapkan tetapi dalam tangkap pemohon tadi tentu adalah tinggi daripada had yang patut ditangkap kerana ada belanja hangus yang terpaksa dibelanja untuk keselamatan dirinya, walaupun benda ini salah tetapi terpaksa dibelanja. Begitulah selalunya berlaku di ladang tebu.

Dengan sebab itu saya menyeru sekali lagi kepada Kerajaan menyelaraskan perkara ini, baik PBB, LKTP dan sebagainya mengadakan seboleh-bolehnya satu rumah pasukan keselamatan ataupun Balai Polis Khas yang berhampiran ataupun dalam kawasan yang berkenaan kerana kalau sudah PBB, LKTP sanggup mengeluarkan perbelanjaan berjuta-juta ringgit dan menolong rakyat Perlis juga begitu banyak dengan mendapatkan pekerjaan dan sebagainya saya berharap sangat rancangan ini patut diadakan, iaitu rumah Balai Polis Khas di sana, sekarang ini sudah ada sekolah dan akan ada masjid. Pendek kata Balai Polis ini patutlah diadakan untuk keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, memandang suasana tanah di Perlis walaupun padi adalah menjadi satu sumber utama dan makanan yang mesti dimakan oleh semua manusia khususnya kita di Malaysia walaupun biasa yang kata roti daripada padi, meehoon daripada beras, semuanya dari beras asal daripada padi, ada setengah negeri kata pokok beras yang sebenar padi, selepas jadi padi baru jadi beras. Ada negeri di dalam Malaysia dia kata pokok padi pokok beras tetapi kalau hendak dikaji hasil tanaman padi bagi seekor dengan hasil tanaman tebu mengikut saya dengar

daripada pihak-pihak yang biasa bertanam padi, tebu, tembakau maka pendapatan tebu lebih tinggi daripada pendapatan padi, kalau tidak silap saya dua kali ganda lebih. Begitu juga tanaman tembakau tetapi malangnya tanaman tembakau ini terhad tetapi bagi tebu saya percaya tidak begitu terhad lagi kalau kena aturan kita dan susunan dapat ditanam, benda itu dapat dikawal oleh kilang ini.

Dengan sebab itu saya berharap kalau boleh pihak Kerajaan mencari jalan untuk menasihati atau membuat satu-satu rancangan atau program yang teratur supaya dapat orang kampung di Perlis, khususnya bagi kawasan saya di Perlis Utara yang rancangan perairan Mudanya tidak sampai, patutlah dibanyakkan dengan rancangan tanaman tebu, seboleh-bolehnya biarlah sekerat kawasan Perlis yang ada tanah itu patut ditanam tebu. Walau bagaimanapun sekalipun, saya tidak nafikan bila rancangan ini dilaksanakan ada di antara rakyat khususnya negeri Perlis sendiri yang harus tidak sanggup mengubah sikap lamanya kepada sikap baru kerana mengubah sikap inipun adalah sangat penting kepada manusia. Kadang-kadang rakyat kita ataupun manusia ini dia tidak mahu ubah sikap itu walaupun perkara yang baru itu lebih baik tetapi hendak menilai apa yang telah dia buat itu adalah satu perkara yang amat rumit bagi satu-satu orang. Dengan sebab itu saya berharap sangat kepada Kerajaan mencari jalan menasihati dan buat kerja seberapa yang baik.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ber-sabit dengan tebu, selepas tebu datangnya gula. Saya berharap seboleh-bolehnya gula yang diadakan oleh penanam tebu, baik di mana sekalipun kalaulah gula daripada Perlis atau gula daripada Perak, gula daripada Negeri Sembilan dan sebagainya mana hendak diadakan gula, saya berpendapat selain daripada tempat yang kita hendak jual satu-satu tempat patutlah juga diadakan peket-peket yang agaknya satu peket satu paun ataupun satu kati kerana ini menyelamatkan dua perkara. Perkara pertama menyelamatkan daripada kesihatan kerana hari ini kita dapati di kedai sangatlah terdedah. Selepas dibuka gula satu kampil maka yang lebihnya terdedah di situ dengan tidak berikat, tidak bertudung ada di setengah kedai, maka datanglah lalat itu dan ini hinggap di atas gula yang tersebut maka makanlah manusia yang beli sekati tadi. Itu satu. Kalaulah di hotel yang besar-besar, kalau kita naik kapal terbang sesudah gula kalau

tidak silap saya boleh dipeket kerana dengan tujuan untuk keselamatan dan juga senang tidak tumpah, untuk kesihatan dan sebagainya. Jadi tidak bolehkah untuk rakyat umum kita peketkan, begitu juga kita buat bungkus, kalau tidak semuanya ada seingahnya kita kena hantar dengan banyak tetapi yang rakyat hendak beli sekati-sekati di kedai ini patutlah satu untuk kesihatan, yang kedua mengelakkan daripada kekecuaan setengah daripada kedai yang tidak bertanggungjawab. Kita tidak boleh nafikan hari ini ada di antara kedai-kedai yang cakupnya manis, gula 16 tahlil sekati dia pakai 14 tahlil sekati. Hamba Allah yang pergi beli kalau orang yang baik takkan kita hendak timbang—kalau kawan, beri aku gula sekati. Walaupun dia kawan kita bumiputra atau tidak bumiputra kita tidak tengok berapa kati, kita pakai harap tetapi kadang-kadang biasa orang perniagaan kata kalau tidak kecoh pun kita berniaga, ada juga orang kata. Dengan kerana dua sebab saya mencadangkan supaya dibuat satu peket yang sekati ataupun satu paun untuk sesuai dengan orang kampung selain daripada yang kita jual kepada umum. Kalau boleh kita buat kecil-kecil sebagaimana saya kata di hotel-hotel besar-besar, di atas kapal terbang dan sebagainya mengapa pula yang lebih besar kita tidak boleh buat peket, kita cari pelastik yang agak kokoh sedikit supaya jangan bertabur.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sesudah saya bercakap di situ, bercakap saya pula di segi ubat-ubat. Yang saya maksudkan ubat-ubat ini bukanlah ubat penyakit, tetapi racun serangga dan sebagainya yang makan tanaman itu dan ini. Inipun amat mustahak.

Negeri saya Perlis adalah sebuah negeri Malaysia, di utara yang berhampiran dengan negara jiran yang saya fikir tidak payahlah saya sebut. Negara jiran kita ini banyak bahan-bahan dan segala bahan yang kita dapat daripada negara jiran, baik bahan secara kebendaan, bahan secara khairat dan sebagainya selalu melancung masuk ke Malaysia. Berbagai-bagai bahan, bahan makanan, seperti saya katakan tadi berbagai-bagai bahan. Jadi, salah satu bahan sebagaimana saya katakan tadi racun serangga dan sebagainya kadang-kadang kita tidak buat kajian, adakah racun serangga itu menjadi

faedah kepada tanaman kita di Malaysia. Saya dapat tahu racun-racun serangga yang didapati daripada negara jiran tidak begitu munasabah, walaupun pada awalnya kenaikan amat baik dan memuaskan tetapi pada hakikatnya selepas dimakan dengan masa yang tidak begitu lama bahayanya balik kepada yang memakan iaitu hasil yang dapat daripada tanaman yang dimasukkan oleh racun serangga tadi. Maka dengan sebab itu saya berharap bukan sahaja dalam beras, bukan sahaja dalam gula, dalam ikan diperiksa atas jalan, racun-racun inipun patutlah juga dikaji, pendekata apa yang hendak dibawa masuk ke Malaysia kita ini hendaklah dikaji dengan teliti dan halus, sebaiknya hendaklah diakui oleh Pejabat Pertanian kita dahulu baharulah perkara ini dapat dijalankan ataupun digunakan oleh petani-petani di seluruh Malaysia, khususnya yang berhampiran dengan negara jiran kita iaitu Perlis ataupun Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bercakap berkenaan dengan perumahan. Perumahan ini amat penting. Hari ini nampaknya rancangan perumahan dapat sambutan daripada rakyat kerana banyak rakyat yang tidak berumah. Tetapi rakyat yang tidak berumah ini rakyat yang berpendapatan rendah. Ada juga rumah-rumah yang besar sampai \$40,000-\$50,000, tetapi bukan dibeli oleh orang yang tidak berumah dalam Malaysia kita, tetapi dibeli oleh orang yang telah ada rumah untuk disewakan kepada orang lain kerana perniagaan rumah inipun satu daripada jenis perniagaan, beli rumah kemudian disewakan. Itu jenis perniagaan, kita tidak boleh nafi, inipun boleh dibuat oleh Kerajaan. Tetapi saya berharap kalau boleh utamakanlah dahulu rumah yang perbelanjaannya rendah, setinggi-tingginya \$15,000 supaya dapat dimiliki oleh orang-orang yang berpendapatan rendah. Ini saya berharap sangat-sangat, patut salah satu cara hendak diberi kepada pemaju-pemaju rumah, perkara ini hendaklah diketatkan. Walaupun boleh dapat rumah yang berharga mahal, tetapi syarat itu hendaklah dikenakan juga sebagai satu syarat. Selain daripada rumah yang besar-besar, rumah ini hendaklah sebagai satu syarat untuk mendapatkan perumahan. Juga saya berharap tiap-tiap pemaju perumahan ini Kerajaan patutlah mengkaji dan meneliti.

Di negeri saya di Perlis ada 40 buah rumah. Kalau tidak silap saya, walaupun Menteriya tidak ada dalam Dewan ini, tetapi saya percaya pegawai-pegawai ada, telah dihantar berkali-kali oleh pihak yang mengambil rumah di atas pemaju perumahan tadi. 40 buah kalau tidak silap saya, pegawai Kerajaan, bukan pegawai Kerajaan dan kalau tidak silap saya termasuk dengan Yang Teramat Mulia sekali iaitu Raja Muda Perlis. Sampai hari ini tidak siap, sudah lima tahun, janji kalau tidak siap mengikut syarat 18 bulan, saya pun tidak tahu, dengan tidak ada jawapan. Kadang-kadang yang susahnyanya bila rumah itu dibuat, potongan bank dibuat tetapi rumah tidak boleh hendak diduduki. Nasib baik ada orang yang sudah mempunyai rumah, tetapi yang tidak ada rumah duit ada yang dipotong dalam bank kerana rumah yang hendak dibeli, tetapi rumah yang dibeli tidak siap, duit dipotong. Jadi, saya berharap kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji dan meneliti perkara ini. Jawapan dari surat yang dihantar—saya tidak mahu bangkitkan dalam soalan ini, saya berharaplah perkara ini tidak payah jawab, yang saya hendak kesannya. Seperti saya katakan tadi, saya berharap sangat perkara ini kesannya menjadi kebaikan iaitu bererti mendatangkan puas hati kepada pihak-pihak yang dapat rumah sebagaimana yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, saya berharap juga sebagai seorang petani di dalam segi Kementerian Pertanian yang kita dapati hari ini Kerajaan telah mengeluarkan wang begitu banyak. Kita tidak nafi, tetapi ada setengahnya secara begitu berkesan dan ada setengahnya tidak berkesan. Misalnya pokok limau dan sebagainya hingga kalau boleh, saya tidak larang kerana tiap-tiap manusia ini yang dia paling seronok sekali kalau makan makanan free, kalau bagi dia seronok. Kalau saya hendak kata bagi sahaja memanglah bagi itu bagi sahaja, benda tidak beli, apapun dia mahu, tetapi biarlah sebelum kita bagi kita buatkan satu rancangan kalau hendak tanampun kita kaji, tengok orang yang ada tanah yang boleh tanam dan sebagainya, bukan hendak cari orang yang kaya sahaja, saya tidak maksudkan orang yang kaya, orang yang boleh berkemampuan serta benih-benih yang kita beri itu tidak sia-sia. Begitu juga ternakan seperti

ternakan ayam dan sebagainya, saya ucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang selalu mengeluarkan pemberian-pemberian ini kepada petani-petani.

Juga saya berharap subsidi kepada petani-petani ini patut diutamakan dan dilebihkan lagi. Walaupun harga padi sudah selalu saya minta, tetapi hari ini saya tidak hendak minta, minta selalupun malu juga orang, tetapi tidak apa, kalau tidak boleh diberi harga padi sekalipun, mengikut kata Yang Berhormat Menteri yang berkenaan beliau akanimbang, maktumlah bila naik harga padi maka harga beras juga akan tinggi, yang susahnyapengguna balik. Utara Malaysia, Kedah, Perlis barangkali banyak mengeluarkan padi walaupun ada yang tidak berbandang, tetapi 60% banyak yang berbandang. Begitu juga Kemubu di Kelantan dan sebagainya mesti ada tempat-tempat seperti yang saya kata tadi pokok beras. Jadi, bila naik harga padi diapun akan menjadi mangsa ataupun kena beli harga yang mahal. Kita berharap supaya kita memberi subsidi dengan dua cara subsidi atau beri perbelanjaan kepada pembuat-pembuat bendang ataupun yang membuat sawah, jangan bagi kepada tuanpunya sawah, tetapi bagi kepada yang membuat sawah kerana pembuat sawah ini bukan semua, setengahnya tanah sewa, tanah pawah dan sebagainya. Hari ini kebanyakan tanah sewa kerana manusia ini, orang yang ada bendang diapun cerdik, bila dia tahu pada yang ada hari ini jenis padi yang baik, dapat padi yang banyak, dia tidak menggunakan pawah bahagi dua, dia gunakan pula cara sewa, dengan cara terhad. Selalunya orang yang susah ini ialah yang membuat bendang, orang yang tidak ada tanah, membuat bendang maka pendapatannya sangat sedikit. Maka dengan sebab itu saya syorkan supaya subsidi ini diutamakan kepada pembuat-pembuat sawah, bukan kepada tuan-tuan sawah, samada dia tuan ataupun bukan, tetapi kepada pembuat yang menjalankan kerja itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap juga di segi Dasar Ekonomi Baru kita akanmeseimbangkan kedudukan negara kita bagi semua kaum di segenap segi kerana kita percaya manusia kalau kedudukannya tidak seimbang, kalau ada satu itu terlampau tinggi, kemudian satu

itu pula terlampau rendah, tentulah kedudukan itu tidak dapat hendak menjadi satu keselamatan yang aman selalu. Kedudukan segala kaum ini di segi ekonomi dan sebagainya amatlah penting. Maka dengan sebab itu kita ucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan kita hari ini yang mengadakan Dasar Ekonomi Baru dengan masa-masa yang sekian akan menjadikan 30% Bumiputra seimbang dengan bangsa-bangsa lain. Tetapi kalau kita memandang dengan keadaan hari ini, sudah 18 tahun kalau tidak silap saya, masih jauh lagi. Kita tidak nafi Bumiputra khasnya kurang modal. Dengan kurang modal ini kita tidak boleh hendak mendirikan industri. Dengan sebab itu kita panggil pelabur-pelabur daripada luar negeri untuk mclaburkan ke sini, maka dengan jalan itu sebagaimana saya katakan petang semalam dapat orang kita yang tidak bekerja dapat bekerja serta mengurangkan pengangguran. Tetapi disegi lain juga banyak, seperti kilang, industri yang besar-besar, syarikat yang besar-besar patutlah pengedar-pengedar itu juga diutamakan kepada Bumiputra yang mana hari ini pengedar-pengedar Bumiputra terlampau sedikit dan kalau adapun pengedar-pengedar yang barang-barangnya tidak begitu berharga, dan yang tidak begitu tinggi. Dengan sebab itu saya menge-syorkan kepada Kementerian yang berkenaan, saya percaya tiap-tiap satu syarikat satu kilang, satu industri tidak dapat diadakan dalam Malaysia kita ini melainkan dengan kebenaran Kerajaan khasnya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Dengan sebab itu, di samping Kerajaan memberikan satu-satu lesen, syarikat-syarikat, kilang dan sebagainya, Kerajaan hendaklah membuat satu-satu syarat iaitu utamakanlah juga kepada kaum Bumiputra di segi Pegawai-pegawai Kerja dan sebagainya dan mengedarkan barang-barang itu juga hendaklah diberi kepada bumiputra dan juga pekerja-pekerja seperti lawyer, membuat satu undang-undang, aturan hendaklah diberikan juga kepada kaum Bumiputra.

Kadang-kadang kita dukacita, Tuan Yang di-Pertua, ada syarikat-syarikat asing yang ada di sini terutama syarikat asing yang besar, kepada bumiputra tak begitu diambil hirau dan tidak diberi peluang sehingga kalau hendak cuci bangunan pun

dicari kontrektor yang bukan bumiputra. Begitulah sedihnya. Jika keadaannya begini pada pendapat saya walaupun kita kata baik amat jauh lagi peluang yang kita akan capai dengan sebab itu di samping ada kuasa kepada Kementerian yang berkenaan dan saya percaya jiwa dan minat pun baik untuk menolong bumiputra, saya akui niatnya baik dan bagus dari itu perkara ini saya berpendapat pengedar-pengedar dan kalau boleh bagilah kepada bumiputra yang difikir layak dan boleh buat kerja. Itulah harapan saya.

Juga saya berharap satu lagi berkenaan dengan MARA. Saya ucapkan terima kasih sebagaimana perdagangan tadi telah memberi kebaikan kepada rakyat semua walaupun tidak dapat 100% sebagaimana kita hajati tetapi boleh dikata amat membanggakan, begitu juga MARA. Saya dapati Pejabat MARA dan pegawainya amatlah berbudi dan amatlah baik, suka menolong rakyat. Boleh dikatakan memuaskan dari segi pergaulan, adab, sopan dan sebagainya. Dari segi proses dan sebagainya boleh dikatakan baik, tetapi kadang-kadang yang lambat pihak MARA memberi satu-satu pinjaman walaupun prosesnya sudah selesai, pinjaman telah diluluskan kadang-kadang wang lambat sampai ke Pejabat-pejabat Negeri yang berkenaan.

Dan satu lagi yang sedihnya ialah pinjamannya begitu terhad. Kalau tak silap saya kadar \$50 ribu ke bawah walau banyak mana binaan berharga sekalipun, MARA menetapkan tak lebih daripada \$50,000. Keadaan ini saya berpendapat tak sesuai, walaupun hari ini kita tak nafikan ada berbagai bank. Saya tak kata tak baik. Kalimah tak baik diri saya, saya tak mahu ucap, tetapi kalau hendak dibandingkan MARA dengan bank, dalam bank ada berbagai pegawai termasuk pegawai yang saya katakan petang semalam tetapi dalam Pejabat MARA saya tengok kalaulah kemampuan kepada mereka wangnya cukup, peruntukan boleh lebih, di sinilah tempat khasnya bumiputra akan dapat berteduh agar dapat meningkat dengan lebih tinggi. Dengan sebab itu saya mencadangkan kadar itu patut dinaikkan sekurang-kurangnya sampai \$200,000 dan berapa yang patut. Tak sesuai dengan keadaan sekarang ini. Sedangkan kita ini akan meninggikan taraf ekonomi, kalau orang

membuat projek berpuluh juta, kita hendak buat projek ratus ribu, bilakah kita hendak dapat bertanding? Ya, hari ini saya tak nafi bumiputra sudah kuat berlari kalau hendak banding dengan dahulu, ibarat dahulu naik basikal pun sudah cepat, masa itu tak ada motokar, sekarang ini kalau hendak megah naik basikal lagi, orang gelakkan di tengah jalan.

Saya masih ingat di masa kecil dahulu saya naik basikal Raleigh pun megah juga, tetapi hari ini kalau naik motosikal pun hendak tunjuk megah, orang gelak lagi, sebab motokar seribu satu macam cepat, ada Alfa-Romeo dan sebagainya, zaman semakin moden, boleh jadi satu hari motor terbang pun ada. Saya tak nafi kedudukan kita kalau hendak banding dengan dulu kita tinggi, tetapi kalau hendak banding dengan orang melompat, kita ketinggalan macam dulu juga. Jadi dengan sebab itu, saya berharap Pejabat MARA sebagaimana saya kata tadi patut meninggikan kadar pinjaman.

Yang kedua, saya berharap juga budak-budak atau murid-murid yang dapat kelulusan sekolah vokasyenal yang dianjurkan oleh MARA selain daripada mereka itu dapat kerja ada setengah dapat kerja makan gaji dan sebagainya, sepatutnya mereka itu diberi peluang, diberi bimbingan untuk membuka perusahaan sendiri, kerana mereka lebih mendapat latihan supaya meninggikan taraf perindustrian dan sebagainya dengan memberi dorongan bagi bantuan dan nasihat dan sebagainya. Saya yakin ini akan menambahkan perniagaan bumiputra kita yang banyak mengambil bahagian di dalamnya.

Saya dapat tahu MARA akan menyelaraskan penyusunan untuk lebih baik lagi dan ada setengah bahagiannya disatukan, kalau tak silap saya Bahagian Khidmat Nasihat dan Pinjaman. Saya berharap dengan penyelarasan ini bukanlah kita kata orang lama itu ditukar baru, tetapi penyelarasan yang akan membawa kebaikan kepada MARA dan khasnya membawa kebaikan kepada rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya menyetujui mengenai pelajaran, kerana pelajaran ini amat penting. Tuhan pun

kata dan disuruh kita belajar. Orang yang tahu dan tak tahu tak sama. Jadi dalam segi pelajaran amat penting. Nabi bersabda, kebahagiaan di dunia dengan pelajaran, kebaikan di akhirat dengan pelajaran, kebahagiaan keduanya sekali dengan pelajaran. Jika saya tak sentuh sedikit dengan pelajaran, agak tak lengkap ucapan saya.

Di Perlis, saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan, kerana boleh dikatakan sekolahnya begitu banyak, walaupun keperluan masih ada lagi diminta oleh rakyat Perlis tetapi sekadar hari ini, saya ucapkan terima kasih, tetapi dua masalah yang selalu dirungutkan oleh orang ramai, penduduk Perlis. Satu, maktab perguruan. Saya dapat tahu dalam Budget ini ada hendak buat maktab perguruan tetapi tidak ditetapkan di mana hendak dibuatkan, kalau ada dalam cadangan, saya minta cadangan itu dapat dilaksanakan dan kalau tak ada, saya harap tolong adakan satu maktab perguruan di negeri Perlis. Dahulu sudah ada maktab sebagai percubaan, tetapi malangnya kerana ketiadaan air dan sebagainya maka percubaan itu ditarik balik ke Sungai Petani. Saya fikir air di situ tak berlaku susah, di mana pun di dunia ini kalau kemarau terlampau panjang, keringlah air, tetapi payah di Malaysia ini tidaklah terlampau payah hendak makan, cuma payah hendak mandi sampai tak makan, itu takkan berlaku. Jadi di Perlis tak pernah lagi rakyat mati kerana tak minum air, mati kerana tak makan, mati kerana tak mandi, tetapi kerap kali yang mati itu mati kerana hukum Allah sudah sampai, kalau dikata mati kerana tak cukup air itu tidak lagi berlaku. Dengan sebab itu saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan, tolong adakan juga maktab perguruan di Perlis.

Di samping itu ada sekolah-sekolah yang hendak dibina itu, saya percaya kita hari ini ada banchan murid sekolah yang hendak masuk tahun 1978, Kerajaan tak banci tahun 1978, tetapi sekurang-kurangnya dibanci sejak tahun 1976 dahulu dua tahun, tetapi mengapakah sekolah sudah dibuat, hari mula pembukaan rasmi dijalankan diminta oleh Pengerusi Lembaga, tambah dua bilik lagi, bilik tak cukup walhal sekolah yang didirikan itu baru dibuat. Kalau hendak kata tak tahu, murid hendak masuk di situ, apa erti banchan yang dibuat sejak dua tahun dahulu. Saya pun

hairan. Oh! kalau hendak kata tak cukup peruntukan, kalau sudah sanggup belanja \$500 ribu, tak cukup sebilik dengan \$100,000 lagi, sedikit sudah sanggup, takkan tak sanggup buat sekali, kerana hendak buat satu bilik ini pun kena tambah juga. Kalau buat sekali gus lagi lapang. Agak saya perbelanjaan pun tak begitu banyak. Kita buatlah jangka masa yang bersesuaian. Ini selalu berlaku di sekolah-sekolah di Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi muhibbah, segi bahasa, Kelas Perpaduan Rakyat dan sebagainya. Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan mengadakan Kelas Perpaduan Rakyat. Saya tak suka Kerajaan mengambil tindakan liar, bagi saya tak suka ambil tindakan tetapi memaki orang, desak orang itu berlawanan dengan jiwa saya, tetapi kalau boleh kebaikan, itu kehendak saya, tetapi saya berpendapat Kelas Perpaduan Rakyat itu kalaulah diberi keutamaan dan nasihat diajak orang-orang bukan bumiputra masuk belajar beramai-ramai di situ, ini amatlah baik tetapi saya dapati ada setengah daripada kelas perpaduan yang belajar itu orang yang sudah tahu. Jadi kesannya tak begitu baik. Carilah orang yang tak belajar Bahasa Kebangsaan lagi, dan utamakan masuk kelas perpaduan rakyat. Dengan sebab itu dia akan tahu apa cara perpaduan khasnya bahasa kita yang ada dalam Malaysia ini. Kerana sebagaimana saya katakan tadi, tak kenal tak cinta, hendak kenal, kena tahu berbahasa. Sebab itulah bahasa ini adalah satu perkara penting yang diketahui oleh semua orang, kerana dengan tahunya satu bahasa akan membawakan kita kepada perpaduan semua kaum. Sebab itulah di akhir ucapan saya, saya berharap dari segi bahasa, kita bukan hendak tegah Bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan tetapi dunia manapun dia ada dengan bahasanya juga. Seperti di negeri Thai, orang Melayu banyak di sana. Empat jajahan Thai Selatan boleh dikatakan semua orang Melayu, Yala orang Melayu, Setoi orang Melayu, Petani orang Melayu, banyak Melayu tetapi mereka tak gondah, tidak pernah tuntutan langsung, yang mereka tahu mereka duduk dalam negeri Thai, jiran kita, mereka pakai bahasa Thai sebagai Bahasa Kebangsaannya, sekolahnya bahasa Thai, bercakap hari-hari juga bahasa Thai, dengan menggunakan satu bahasa itu membawa perpaduan kaum di negara kita.

Kalau negara Thai boleh menggunakan satu bahasa, bukan saya hendak tegakkan apa-apa, sebab saya orang Melayu, ini sudah

menjadi lumrah alam, keadaan dunia, sebelum satu-satu negara merdeka dia buat satu perlembagaan, dia rangka apa agama rasminya, apa bahasa kebangsaannya. Tetapi kita negara Malaysia sebelum merdeka dahulu penganjur-penganjur yang ada dalam negara kita terdiri dari bangsa apa sekali pun menggubal satu undang-undang menganut satu Perlembagaan, seperti kita sedia maklum dan pihak yang hendak beri kemerdekaan pun tahu dan mengakui apa yang kita buat itu betul, maka dijadikan Bahasa Melayu, bukan bahasa Shaari, Bahasa Kebangsaan untuk semua bangsa yang ada dalam Malaysia kita. Sebab itu saya berharap sangat-sangat kepada orang-orang yang ada dalam Malaysia di sinilah tempat tanah dipijak, langit dijunjung, kita tidak larang di rumah dia hendak bercakap bahasa apa bercakaplah, agama apa, tak apalah tetapi yang diakui itu patutlah kita hormati dan semua bangsa kena tahu. Kalau satu dengan lain tahu lancar dengan Bahasa Malaysia maka di sini lah datangnya kasih sayang. Kasih sayang itu datangnya daripada kenal. Dengan sebab itu saya berharap segala bangsa dan agama apa sekali pun dalam negara ini dan hendak senang dalam hidup dan hendak damai.

Pada satu ketika saya ada bercakap dengan samy, namanya saya tak tahu. Bila saya berjalan bersamanya di satu pekan di Negeri Thai, saya kata orang Thai tak baik, katanya bukan Thai tak baik, bukan China tak baik, bukan Melayu tak baik, yang tak baik semua bangsa ada. Jadi saya harap bahasa yang ada dalam negara kita khasnya kita sebagai pemimpin-pemimpin yang dipilih oleh rakyat di kawasan masing-masing mari kita bekerjasama untuk mencari kedamaian, janganlah satu-satu perkara yang boleh membawa pecah-belah kepada kita akan selalu kita bangkitkan dalam segi mana sekalipun. Saya berharap juga apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam Belanjawan patut diamalkan, jangan diberi peluang sebagaimana saya katakan tadi, ada setengah-setengah pihak ambil kesempatan dengan belanjawan yang dibentangkan walaupun belanjawan ini tidak naik.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sokong belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kelmarin.

4.34 ptg.

Tuan Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai usul belanjawan tahun 1979 yang dibentangkan di sidang ini. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 20-10-78 adalah dicadangkan supaya wang sebanyak \$13,570 juta dibelanjakan untuk tahun 1979. Belanja Mengurus yang berjumlah \$8,709 juta bertambah dengan 8.1% berbanding dengan tahun 1978, sementara belanja pembangunan yang berjumlah \$4,861 juta ditambah 4.7% dari tahun 1978.

Tuan Yang di-Pertua, pertambahan ini memanglah menyenangkan seluruh rakyat yang mendengarnya, lebih-lebih lagi apabila Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan mengumumkan penurunan cukai impot ke atas barang-barang utama yang tertentu dan lebih-lebih lagi mendengar bahawa Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan menegaskan bahawa Kerajaan adalah terlibat sepenuhnya dalam usaha pembangunan negara untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang paling tinggi dan meluas demi kebajikan rakyat terutama yang berpendapatan rendah. Moga-moga harapan yang suci murni ini akan mendapat restu dari Allah subhanahu watallah dan mencapai kejayaan yang cemerlang agar rakyat jelata akan mendapat nikmat dan kebahagiaan darinya.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun dalam membelanja wang ini Kerajaan adalah diharapkan berhati-hati supaya objektif-objektif suci Kerajaan benar-benar tercapai dan terlaksana moga-moga wang yang dicurahkan nanti tidak akan seperti mencurahkan air ke daun keladi dan mencurahkan garam di laut, yakni tidak memberi kesan sematamata. Penglibatan wang hendaklah tepat dan sentiasa terkawal rapi sepanjang masa.

Dewasa ini perhatian pihak Kerajaan hendaklah ditumpukan seserius-seriusnya kepada pembangunan kawasan luar bandar kerana di sinilah tempat orang yang hendak dibasmi kemiskinannya, kerana di sinilah kaum bumiputra mengadu nasib membanting tulang untuk hidup, di mana penduduk-penduduk kebanyakannya petani. Saya mengalu-alukan pertambahan peruntukan untuk bidang pertanian yang bukan hanya melibatkan Kementerian Pertanian, tetapi juga

Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah Kerajaan mengurangkan duti eksport ke atas barang-barang seperti buah-buahan, talivisyen dan lain-lain. Walau bagaimanapun kita harap ini semua memberi kesan ke atas penduduk-penduduk luarbandar yang menjadi petani ataupun penangkap ikan. Tetapi barang-barang seperti talivisyen dan buah-buahan, yakni buah-buahan yang diimport dari luar negeri sebenarnya kurang dan jarang-jarang boleh dibeli oleh penduduk-penduduk luar bandar. Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, talivisyen, apabila dibeli memerlukan kuasa letrik. Di sebaliknya di kawasan-kawasan luar bandar dan di pedalaman di Sarawak, (contohnya di kawasan ulu) lebih 50% dari kampung-kampung belum menerima bekalan kuasa letrik lagi.

Ini bermakna pengurangan impot duti ke atas TV kurang memberi kesan terhadap orang-orang ini. Kalau dapat, malah adalah dimestikan, supaya pihak Kerajaan mengawal kenaikan harga barang-barang makanan utama seperti gula, kopi, tepung dan sebagainya. Ini adalah barang-barang makanan keperluan hari-hari. Di Kuching contohnya harga gula masih 70 sen sekati, kopi gred dua \$8.00 sekati, ikan bilis yang telah saya sebutkan selalu \$5.00 sekati. Ini di Kuching, tetapi di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman taukeh-taukeh bukan bumiputra keseluruhannya memeras penghuni-penghuni rumah panjang dengan menaikkan harga gula sampai 80 sen ataupun lebih sekati. Tambahan pula orang-orang yang kurang terdedah dengan mass-media seperti radio, talivisyen, suratkhbar dan sebagainya lebih senang ditipu oleh taukeh-taukeh tempatan seperti ini. Sekalipun harga buah-buahan diturunkan, mungkin taukeh-taukeh tempatan masih mengenakan harga lama. Ini adalah contohnya, Tuan Yang di-Pertua. Penduduk-penduduk ini oleh kerana terpencil jauh dari bandar-bandar besar terpaksa membeli barang-barang yang dijual oleh pekedai-pekedai tempatan seperti ini. Dan adalah susah untuk mereka pergi ke tempat-tempat lain untuk membeli barang-barang keperluan seperti apa yang saya maksudkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara penipuan seperti ini, perkara pihak pekedai tempatan berlagak tidak selaras dengan dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan khususnya

di kawasan-kawasan luar bandar memang selalu wujud. Sebab itulah pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah diharapkan bukan hanya memeriksa tindak tanduk pekedai-pekedai di bandar-bandar besar seperti di Kuching, Sarawak tetapi juga hendaklah menghantar pegawai-pegawai Kementerian itu ke kawasan-kawasan pedalaman mungkin dengan bantuan polis untuk memeriksa tindak tanduk lintah darat yang durjana ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pertanian kita cukup puashati dengan peruntukan yang diberi kepada Kementerian Pertanian berjumlah \$743,980,137. Ini menunjukkan bahawa sektor pembangunan pertanian akan dititikberatkan lebih dari Kementerian-kementerian yang lain. Moga-moga taraf ekonomi rakyat pertanian akan dapat ditinggikan mutunya.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan-kawasan tepi pantai, di muara sungai di Bahagian Pertama Sarawak, kebanyakan penduduk-penduduk di samping menangkap ikan adalah bertanam kelapa. Saya, di saat ini, ingin hendak membawa perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat ke kawasan kebun kelapa dari muara Sungai Sarawak hingga ke muara Sungai Batang Lupar di Bahagian Kedua. Sekalipun kebanyakan pekebun-pekebun kelapa di kawasan ini sungguh berpuashati dengan hasil kebun mereka, namun terdapat juga kebun-kebun itu kerap kali dilandai air masin dari laut dan air laut yang masin ini bukan hanya memberi kesan negatif terhadap kesuburan pohon-pohon kelapa, tetapi juga memusnahkan sebahagian dari kebun-kebun kelapa terutama sekali kebun-kebun kelapa di tepi pantai. Ini ialah akibat dari tampan ombak-ombak yang menyerang pantai. Hakisan berlaku cepat dan kelapa yang baharu ditanam lepas dibawa air.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Jabatan Parit dan Taliair sebenarnya sedang melaksana dan sedang membuat ban-ban ataupun benteng-benteng di sebahagian daripada kawasan itu untuk menyekat air laut dari melanda. Tetapi kadar pelaksanaan tugas-tugas ini kurang memuaskan sekali, lambat dan kurang efficient. Dari itu apa yang diperlukan ialah pihak Jabatan Parit dan Taliair ada dikehendaki mengawasi dengan lebih efektif lagi pelaksanaan projek-projek seperti ini. Mereka diharapkan merancang projek-projek di kawasan yang sangat-sangat memerlukan seperti kawasan-kawasan yang kini sedang menerima kesan buruk terhadap

peladang-peladang kelapa. Contohnya penduduk-penduduk kawasan dan Sungai Sebangon; mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat belum lagi mengenali tempat ini, tetapi saya syorkan supaya apabila balik ke rumah pinjamlah buku dari anak-anak untuk merujukkannya. Contohnya, penduduk-penduduk kawasan dan Sungai Sebangon hingga ke kampung Sebuyau di Bahagian Kedua, Sarawak memohon kepada saya supaya tindakan secepat mungkin akan diambil terhadap masalah kesan air laut masin di kawasan-kawasan itu. Kalau tidak pekebun-pekebun kelapa di sini bukan hanya menghadapi kerugian yang besar tetapi juga terhalang dari maju dalam bidang pertanian.

Di samping itu, saya juga mencadangkan dan mengesyorkan kilang-kilang memproses minyak kelapa diwujudkan ataupun disediakan di kawasan-kawasan yang menghasilkan kelapa di Sarawak. Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, pekebun-pekebun ini terpaksa menjual kelapa kering ataupun kelapa yang belum lagi dikeringkan ke bandar seperti Kuching dengan menghadapi berbagai-bagai masalah. Saya sedar memang ada beberapa rancangan Kerajaan (atau Statutory Bodies) mengambil langkah yang positif ke arah ini, contohnya, di Sebangon (iaitu sebuah bandar kecil) pihak SEDC sudah pun membina kilang memproses minyak kelapa ini. Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, langkah harus juga diambil untuk memperbanyakkan kilang-kilang ini. Tujuannya bukan hanya mengurangkan masalah-masalah penjual-penjual kelapa yang tiada kilang itu terpaksa menjual kelapa di Kuching tetapi juga akan menyediakan pekerjaan untuk belia-belia ataupun penduduk-penduduk tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, di zaman bilamana gaji kakitangan Kerajaan sedang dinaikkan ini, sistem subsidi yang diberi kepada peladang-peladang ataupun petani-petani hendaklah dikaji semula dengan paling berkesan. Kerajaan pernah memberi wang iaitu untuk subsidi kepada petani-petani. Ini kurang efektif sebab, ada terdapat peladang-peladang ataupun pekebun-pekebun hanya mengusahakan kebun-kebun di masa pegawai-pegawai hendak memeriksa kebun-kebun mereka dan akan memberi subsidi kepada mereka. Ini bukan semua, tetapi ada sebahagian daripada peladang-peladang itu. Ini memang berlaku tetapi selepas itu wang yang diberikan oleh Kerajaan telah disalahgunakan dan kebun mereka tidak

dijaga dengan teliti. Ini berlaku, walaupun subsidi itu diberi dalam bentuk perkakas untuk mengerjakan ladang, sekalipun cara ini lebih berkesan. Tetapi di beberapa tempat perkakas juga dijual oleh pekebun-pekebun ini, kerana mereka mahukan immediate satisfaction. Sebenarnya, apa yang harus dibuat oleh pihak yang berkenaan ialah menyedarkan peladang-peladang itu sebelum mendapat subsidi kerana masalah peladang-peladang kita ialah mereka itu mungkin belum menyedari betapa perlunya kita mengambil bahagian dengan cergas dan aktif dalam bidang seperti ini. Di sesebuah tempat atau kampung mesti ada ditugaskan ketua yang paling bijak dan berpengaruh supaya ketua ini boleh menyedarkan (brain-washing) pengikut-pengikut dengan paling efektif dan berkesan. Pihak Pegawai-pegawai Pertanian hendaklah lebih kerap lagi melawat peladang-peladang ini bukan hanya mengawasi kerja-kerja tetapi memberi nasihat yang berguna. Selepas disedari dan dibrainwashed barulah kita memberi amanah kepada mereka iaitu memberi bantuan dalam bentuk subsidi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pemberian subsidi saya rasa kita haruslah mempertimbangkan suasana bilamana mereka itu berada dan wujud bersesuaian dengan keperluan keadaan. Sebenarnya penyeimbangan dengan harga-harga barang adalah amat perlu sekali dan dengan ini harapan kita ialah supaya apa yang diberi ataupun apa sahaja jenis bantuan yang diberi oleh pihak Kerajaan kepada peladang-peladang akan dapat memberi nikmat kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menyentuh soal pertanian, saya juga ingin hendak menyentuh mengenai pembelajaran dan pendidikan. Mengikut keterangan Belanjawan tahun 1979 peruntukan bagi bidang pelajaran adalah di antara yang paling besar sekali, kalau pun tidak yang paling besar berbanding dengan Kementerian-kementerian yang lain. Ini menunjukkan bahawa penitk-beratan pihak Kerajaan terhadap pelajaran adalah melebihi bidang-bidang lain; samada kita setuju atau tidak. Untuk saya inilah hakikat yang sebenar. Harapan kita ialah semua yang dirangka untuk bidang pelajaran akan memberi kesan yang menguntungkan anak-anak kita.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 13, koram ini mungkin tidak mencukupi.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 hadir*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Simunjan boleh sambung.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, adalah difikirkan amat perlu untuk kita menggunakan lebih masa dan peruntukan untuk mengambil langkah mengurangkan masalah-masalah yang kini kita sedang hadapi di sekolah-sekolah. Satu dari masalah-masalah ini ialah masalah akhlak ataupun disiplin yang kini dalam masyarakat dan sekolah-sekolah mencapai tingkat yang agak merunsingkan. Banyak usaha-usaha penyelesaian telah dicapai, namun kurang membuah hasil penyelesaian yang agak memuaskan. Masanya telah tiba kini untuk kita memikirkan langkah-langkah penyelesaian yang bukan hanya bersifat lahiriah (*superficial*) tetapi langkah penyelesaian yang hakiki yang bersifat rohaniah berlandaskan hukum-hukum agama yang mutlak.

Mengikuti Professor Syed Mohd. Naguib Al-Atas, pendidikan dan pembelajaran itu pada hakikatnya ialah usaha menetapkan ataupun menganjurkan adab. Professor Syed Naguib berkata:

(*Dengan izin*) "The fundamental element inherent in the concept of education in Islam is the inculcation of adab, for it is adab in all-inclusive sense, I mean as encompassing the spiritual and material life of a man, that instills the quality of goodness that is sought after."

Tuan Yang di-Pertua, dari itu penyelidikan penyelesaian ke atas kemerosotan akhlak haruslah berlandaskan agama. Kita tidak dapat hanya bergantung kepada konsep-konsep Barat yang kini tergugat sekalipun telah lama kita gunakan. Penyelesaian secara Islam hendaklah kita cari dan gunakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah pernah diutarakan oleh beberapa ahli-ahli fikir pendidikan cara Barat telah memisahkan kita dari zaman silam, iaitu zaman yang penuh dengan nilai-nilai hidup yang suci murni dan menukarkannya kepada zaman bilamana kita hidup tidak lagi dekat dengan cara-cara hidup yang mempunyai nilai-nilai hidup yang harus kita banggakan. Dan malah orang-orang terpelajar sendiri

yang telah menerima dasar-dasar Barat ataupun cara-cara pemikiran Barat telah tidak terkawal mereka sendiri dari segi disiplin dan akhlak, apatah lagi mereka yang diajar.

Mengikuti seorang pakar pengajian Islam iaitu Ibn Khaldun:

"Let no hour pass in which you do not seize the opportunity to teach him something useful. But do so without vexing him, which would kill his mind. Do not always be too lenient with him, or he will get to like leisure and become used to it. As much as possible, correct him kindly and gently. If he does not want it that way, you must then use severity and harshness."

Adalah dicadangkan supaya cara penyelesaian yang hakiki yang berlandaskan hukum Islam, hukum agama untuk menyelesaikan masalah disiplin akhlak yang menular di sekolah-sekolah dan di masyarakat kita pada hari ini akan digunakan dan dipraktikkan pengajaran/pembelajaran yang ditunjukkan oleh Ibn Khaldun adalah amat sesuai. Penyelidikan atas kemungkinan-kemungkinan cara-cara ataupun dasar-dasar membentuk akhlak yang suci murni berlandaskan hukum agama amatlah diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah lain yang wujud di sekolah-sekolah kita pada hari ini juga sangat-sangatlah memerlukan penitikberatan dari pihak yang berkenaan. Kita dapati bahawa di masa ini sekolah-sekolah telah mulai penuh sesak dengan murid-murid dari Darjah 6 terutama sekali di negeri saya di Sarawak terdapat 100% intake murid-murid masuk ke sekolah menengah. Jadi oleh kerana pembangunan sekolah-sekolah belum lagi dapat disediakan untuk menampung keperluan murid-murid yang banyak ini, maka akibatnya ialah masalah sekolah penuh sesak berlaku. Dan akibat daripada itu asrama-asrama tidak mencukupi, bilik darjah juga tidak mencukupi, dan murid-murid terpaksa belajar bukan hanya di sesi pagi tetapi juga belajar di sesi petang. Banyak masalah yang timbul akibat daripada kemasukan 100% murid-murid ke sekolah menengah.

Jadi harapan kita ialah supaya pihak yang berkenaan akan mengambil langkah yang positif yang paling berkesan dan efektif supaya masalah-masalah yang telah saya kemukakan dapat diselesaikan dengan secepat

mungkin. Kita tidak mahu melihat keadaan di sekolah-sekolah kita penuh sesak yang mungkin menimbulkan kepada masalah-masalah yang paling besar lagi. Di samping itu untuk murid-murid dan malah untuk guru-guru belajar di sessi petang itu adalah kurang menyenangkan (uncomfortable). Jadi kalaulah tempat-tempat ataupun sekolah-sekolah lebih banyak lagi dapat disediakan, kalaulah bilik darjah dan asrama dapat diperbanyakkan, maka saya rasa murid-murid akan dapat ditumpukan untuk belajar pada waktu sessi pagi sahaja, iaitu masa yang sesuai dan senang untuk mereka menangkap apa yang diajar oleh pihak guru.

Tuan Yang di-Pertua, di samping masalah-masalah yang ujud di sekolah-sekolah, saya juga ingin menyentuh masalah soal gaji guru-guru dan guru besar. Apa yang berlaku di masa ini ialah pihak Kerajaan, khususnya Kementerian Pelajaran sedang mengimplimentasikan atau melaksanakan sekim gaji Guru Besar. Contohnya, di sekolah rendah apa yang berlaku ialah gaji Guru Besar (di sekolah rendah Grade "C") telah meningkat dari \$430 hingga kepada \$910; semasa pelaksanaan Sekim Gaji Guru Besar itu. Tetapi dengan pelaksanaan Cabinet Committee Report gaji Guru Besar dari \$430 yang tadi naik menjadi \$910 selepas gaji Guru Besar dilaksanakan; kemudian dan naik lagi menjadi \$1,045 dalam masa yang begitu singkat. Di samping itu, mereka yang telah bertugas dalam tahun 1973 dan 1974 akan diberi tunggakan gaji yang banyak. Ada yang akan menerima antara \$20,000 dan \$30,000. Saya bukan hendak mendedahkan bahawa ini ialah tidak adil, tetapi sebenarnya adil. Apalah salahnya pihak Kerajaan memberi wang yang banyak kepada pihak guru-guru yang bertugas tetapi yang menyedihkan ialah guru-guru biasa yang tidak terlibat di dalam pelaksanaan gaji Guru Besar tidak puashati dengan keadaan ini. Sementara kawan-kawan mereka yang dahulunya sudah menjadi Guru Besar dalam tahun 1973/1974 dan terus menjadi Guru Besar diberi kenaikan daripada \$430 hingga menjadi \$1,045 sebulan; tetapi guru-guru biasa yang tidak terlibat hanyalah menerima gaji \$430 sebulan dan perbezaan ini adalah terlalu besar sangat. Dan saya rasa pihak yang bertanggungjawab hendaklah mengambil langkah yang sewajarnya untuk memuaskan kehendak guru-guru biasa yang tidak puashati dengan keadaan seperti ini.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, kadangkala Guru Besar yang menerima gaji \$1,045 ini ialah seorang Guru Besar yang kadang-kadang hanya bertanggungjawab menjaga 20 hingga 30 orang murid sahaja. Ini juga menyedihkan perasaan guru-guru biasa yang tidak menjadi Guru Besar. Jadi harapan kita ialah supaya pihak guru-guru biasa ini yang ketinggalan dari segi gaji akan dapat dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang lain timbul ialah perbezaan gaji di antara Guru Besar-Guru Besar sekolah menengah dan sekolah rendah dan sekolah menengah yang tidak berasrama dan sekolah yang berasrama. Di Sarawak, saya dapati sekolah yang berasrama (tetapi bukan berasrama penuh) mengikut sekim gaji Guru Besar, gaji Guru Besarnya yang terpaksa bekerja 24 jam adalah sama dengan gaji Guru Besar yang menjaga sekolah yang tidak berasrama. Jadi masalah yang timbul ialah beban yang diberi kepada Guru Besar yang menjaga sekolah menengah berasrama ini adalah lebih berat daripada beban yang ditanggung oleh Guru Besar yang menjaga sekolah tidak berasrama. Tetapi dari segi gaji perbezaan tidaklah ujud. Adalah disyorkan supaya masalah ini akan dapat diselesaikan dengan sewajarnya supaya semua pihak (sekalipun kita tidak dapat memuaskan kehendak semua pihak setidak-tidaknya pihak-pihak yang kini tidak puashati) akan menjadi puashati.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak sebagaimana yang telah diberitahu oleh beberapa orang yang telah berpeluang untuk bercakap di Dewan ini ialah sebuah negeri yang mundur sekalipun sekarang disifatkan sebagai membangun. Satu bidang yang ingin saya sentuh juga di sini ialah bidang kesihatan.

Ada terdapat di beberapa kawasan, (kawasan saya misal kata) perasaan tidak puas hati dari penduduk-penduduk timbul apabila terdapat oleh mereka bahawa di tempat yang berdekatan dengan bandar, di mana ada Hospital Besar, dibuat hospital. Tetapi di tempat saya, iaitu daerah saya, tidak ada hospital. Di sebaliknya di sebuah bandar lain yang ada hospital, pesakit-pesakit bila-bila masa sahaja boleh pergi ke Hospital Besar di Kuching, tetapi dari tempat saya, untuk pergi ke Kuching memakan masa 4-5 jam, itu pun menggunakan bot tidak dibuat hospital. Pihak Jabatan Perubatan telah menjelaskan bahawa sebab mengapa rumah sakit tidak didirikan di kawasan Simunjan, iaitu di tempat

saya, ialah kerana, pertama, tidak ada tanah. Kedua, kuasa letrik tidak memuaskan. Tetapi, sebenarnya saya rasa soal tanah itu kepada Kerajaan tidak menjadi masalah sebab sekiranya pihak yang bertanggungjawab ingin hendak mengambil langkah yang sebenar-benarnya menguntungkan rakyat saya rasa mereka boleh buat apa-apa untuk membeli tanah. Soal kuasa letrik saya rasa juga tidak menjadi masalah sebab sekalipun kuasa letrik yang ada di bandar tempat saya ini (Simunjan) tidak begitu kuat dan tidak mampu untuk membekalkan kuasa kepada sebuah rumah sakit, tetapi apalah salahnya kita memberi satu generator untuk sebuah rumah sakit iaitu satu generator yang berasingan; kerana selama ini kita boleh dapati bahawa di beberapa buah sekolah, (20-30 buah sekolah berasrama) Kerajaan dapat memberi generator. Tetapi mengapa apabila hospital memohon untuk mendapat generator ini tidak dapat diluluskan. Saya syorkan supaya langkah-langkah yang positif hendaklah diambil ke arah penyelesaian masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk yang sebenarnya miskin ini dan memerlukan hospital—bukan hanya di Simunjan, tetapi di tempat-tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh ialah mengenai kelambatan pihak Jabatan Kerjaraya menjalankan tugas mereka. Di bandar Simunjan tempat saya, pihak Jabatan Kerjaraya telah-pun mulai membuat jalanraya iaitu dari Sekolah yang jauhnya dari bandar tiga batu, ke pasar Simunjan tetapi telah dilaporkan kepada saya bahawa pergerakan kerja yang dilakukan adalah tidak memuaskan. Pegawai-pegawai jarang kali mengawasi orang-orang yang bekerja. Sementara Penyelia tidak ada di sana, pekerja-pekerja ini kadang-kadang berjudi, kadang-kadang tidur ataupun melakukan perkara yang tidak sepatutnya dilakukan oleh pekerja-pekerja. Masalah ini haruslah diselesaikan supaya projek-projek ataupun apa-apa yang dirancangan untuk dilaksanakan akan dapat dilaksanakan dalam masa yang pendek dan janganlah hendaknya perkara seperti ini dilalaikan. JKR haruslah bertindak untuk keefisienan gerak kerjanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa untuk mengakhiri apa yang hendak saya perkatakan, saya berharap pihak yang bertanggungjawab akan membelanjakan peruntukan dengan sewajarnya supaya semua pihak yang kita harapkan akan mendapat nikmat daripadanya, akan merasa nikmat yang kita beri.

5.14 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu):

Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan mengemukakan usul Belanjawan di Dewan ini pada hari Jumaat yang lalu pihak Pembangkang nampaknya telah kelihatan hampa oleh kerana mereka menganggap bahawa Belanjawan kali ini akan mempunyai unsur-unsur cukai baru, kerana dalam tahun yang lalu sewaktu Yang Berhormat Menteri Kewangan mengemukakan usul Belanjawan pihak Pembangkang berkata bahawa Belanjawan tahun lalu itu adalah satu Belanjawan Pilihanraya. Dan mereka mahu rakyat percaya bahawa pada kali ini kita akan mengenakan cukai-cukai baru kerana kita telahpun menang besar dalam pilihanraya baru lalu. Itulah sebabnya saya mengatakan pihak Pembangkang kelihatan merasa hampa bila melihat tidak ada kenaikan cukai malah sebaliknya cukai-cukai diturunkan pula. Tuan Yang di-Pertua, bila mendengar ucapan Ketua Pembangkang dalam Dewan ini semalam saya dapat mencium bau kehampaan kerana mereka tidak dapat kembali kepada rakyat mengatakan bahawa apa yang mereka agak tahun lalu itu adalah benar.

Saya ingin menyentuh sedikit apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka yang menyentuh satu perkara yang sebenarnya perkara lama, akan tetapi jarang-jarang dijawab secara direct. Beliau menyebut tentang kebimbangannya bahawa dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan hendak melahirkan 30% penyertaan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian maka akan lahir satu kumpulan jutawan Bumiputra yang akan kenyang nanti ialah orang-orang kaya, orang Bumiputra dan bukan orang miskin. Soal Malay millionaires atau Malay tycoon ini sudah timbul sebenarnya sejak 20 tahun yang lalu, sejak kita merdeka. Pihak Pembangkang selalu menuduh kita bahawa kita hanya memelihara setengah-setengah orang yang sudah kaya dan mengabaikan orang-orang yang tidak kaya. Saya hanya mahu menyentuh tuduhan yang pertama iaitu perkara melahirkan segolongan Malay millionaires atau Malay tycoon yang tidak disenangi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya ingin bertanya kepada beliau, kenapa tidak? Why not? Kalau orang lain boleh menjadi millionaires, kenapa orang Melayu tidak boleh

menjadi millionaires? Apakah keanggotaan Millionaires Club atau Kelab Tycoon itu hanya exclusive untuk orang-orang bukan Melayu sahaja? Apakah orang Melayu tidak boleh menjadi anggota kelab millionaires? Apa yang dikatakan oleh Ahli dari Kota Melaka itu ialah suatu usaha untuk mengalih pandangan kita atau satu usaha untuk melemahkan pandangan kita terhadap objektif yang sebenarnya, iaitu untuk melahirkan se-golongan manusia Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian dan dalam hubungan ini beliau takut kita melahirkan satu golongan millionaire Melayu. Saya sendiri berfikir bahawa kalau melalui Dasar Ekonomi Baru kita berjaya melahirkan 100 atau 1,000 Malay millionaires saya rasa Dasar Ekonomi Baru sudah berjaya. Lagi banyak kita melahirkan millionaires Melayu lagi berjaya kita dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapannya kepada Dewan ini pada hari Jumaat yang lalu, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyebut 3 options yang terbuka bagi Malaysia dalam menghadapi suasana ekonomi dunia yang meleset seperti sekarang. Saya merasa amat gembira bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memilih option yang ketiga, iaitu satu option yang positive yang bertujuan mengatur satu Belanjawan yang bertujuan untuk berkembang secara hati-hati, menurut Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sebenarnya kalau Belanjawan ini dinilai dari context pertumbuhan ekonomi negara-negara perindustrian yang mungkin akan menurun daripada 4% menjadi 3.3% dalam separuh masa pertama tahun depan saya percaya rakyat negeri ini akan sudah merasa cukup bersyukur kalau kita hanya dapat mempertahankan economic growth yang telah kita capai sebelum ini iaitu sebanyak 7% tanpa mengharapkan tambahan pada kadar pertumbuhan selanjutnya.

Memang pertumbuhan ekonomi yang sihat adalah precondition kepada pencapaian matlamat serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru kita iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat sementara perluasan kemudahan-kemudahan masyarakat atau infrastructure atau social services merupakan satu precondition pula kepada usaha membasmi kemiskinan. Oleh kerana itu saya amat merasa gembira bahawa peruntukan yang besar telah dibuat untuk

sektor-sektor yang saya sebutkan tadi dalam Belanjawan ini yang berjumlah hampir \$600 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya dalam ucapan ini ingin menyentuh satu perkara yang saya rasa amat penting oleh kerana saya mendapat kesempatan memerhatikan persidangan Dewan Parlimen ini sejak 21 tahun yang lalu daripada sebelah lain dan sejak 21 tahun yang lalu sampai ke hari ini tidak pernah saya tidak mendengar sungutan-sungutan mengenai sekolah yang tidak baik, kemudahan bekalan letrik tidak ada, tidak ada jalan raya dan sebagainya. Perkara ini telah berlanjutan sampai 21 tahun. 21 tahun daripada sekarang kita akan memasuki tahun 2,000. Tahun 2,000 bila manusia Malaysia akan menjadi 19 juta orang. Pada masa itu masalah yang akan dihadapi oleh Parlimen ini sepatutnya tidak lagi menyentuh hal yang remeh-remeh seperti bekalan air tidak ada, bekalan api tidak ada, jalanraya becak dan sebagainya. Tahun 2,000 manusia yang akan duduk menggantikan tempat kita dalam Dewan Parlimen ini akan bercakap mengenai masalah-masalah perhubungan international yang complicated, yang delicate bercakap tentang soal ekonomi dunia yang barangkali merosot atau membangun pada ketika itu. Mereka sepatutnya berbicara tentang masalah-masalah manusia yang pada ketika itu akan menjadi lebih complicated. Oleh kerana itu saya mahu mengambil kesempatan ini dalam Dewan ini untuk membuat satu cadangan dengan harapan untuk menyelesaikan masalah-masalah mengadakan infrastructure ini atau social services ini once and for all. Biarlah kita buat sekali dan kita selesaikan ini, mudah-mudahan pada tahun 2,000 anak-anak kita, adik-adik kita yang akan datang ke Dewan Parlimen ini tidak lagi menyentuh, mengungkit-ungkit perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak saya cadangkan di sini ialah bahawa Kerajaan hendaklah mengatur satu program bertindak mengandungi 8 perkara dengan tujuan utamanya untuk membolehkan perkampungan traditional dan daerah-daerah yang tidak maju. Program bertindak yang saya sebutkan tadi ialah satu projek minima mengandungi 8 perkara seperti berikut:

- (1) mengadakan kemudahan persekolahan rendah dan menengah yang lebih sempurna;

- (2) mengadakan kemudahan perubatan dan kesihatan yang lebih meliputi;
- (3) mengadakan jalanraya yang sempurna dan lain-lain kemudahan perhubungan yang perlu;
- (4) mengadakan bekalan air bersih di di semua kampung;
- (5) mengadakan bekalan letrik di semua kampung;
- (6) menyusun semula kawasan kediaman dan perumahan yang teratur dan moden;
- (7) mengatur atau meregulate kegiatan-kegiatan ekonomi yang sedia ada di daerah-daerah dan mengadakan sistem pemasaran yang berkesan; dan
- (8) menyediakan kegiatan-kegiatan ekonomi yang baru bagi mengatasi masalah pengangguran dan semi-pengangguran di kampung-kampung di daerah-daerah.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendak capai semuanya ini dalam masa 21 tahun. Tahun 1990 kita berharap kita akan dapat mencapai matlamat ekonomi, penyertaan 30% bumiputra dalam semua bidang ekonomi. Dalam tahun 2,000 saya ingin melihat dan saya percaya orang-orang kampung ingin melihat seluruh kampung di negeri ini, baik yang terletak di kawasan rakan saya dari Simunjan, baik dalam Division 2, Division 1, Division 4 dan sebagainya, baik yang terletak di kawasan hulu-hulu di Sabah, di Ulu Trengganu dan sebagainya semuanya mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang saya sebutkan itu. 6 perkara projek asas dan 2 perkara projek ekonomi sebagai back-up kepada projek infrastructure yang saya katakan ini. Hanya dengan demikian maka dalam tahun 2,000 Parlimen ini tidak lagi akan bercakap tentang masalah kerjaraya, balairaya, jalanraya, apiraya dan sebagainya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya membuat cadangan ini dengan penuh kesedaran bahawa Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan sekarang sedang terlibat secara gigih untuk mengadakan infrastructure yang saya sebutkan tadi di samping mengadakan kegiatan ekonomi di daerah-daerah terutama di kawasan growth area atau kawasan baru. Jengka Tiga Segi, di Johor ada, di Trengganu ada, di Kelantan

pun ada kawasan-kawasan baru. Akan tetapi nampak dalam kegigihan kita, dalam ke-sungguhan kita, dalam enthusiasm untuk membuka kawasan-kawasan baru, kawasan-kawasan new growth, sedikit sebanyak kita telah mengabaikan atau memberi priority yang rendah kepada kampung-kampung tradisional.

Sekarang yang nampak kelihatan agak meluas di kampung-kampung, di daerah-daerah luar bandar ialah perkhidmatan persekolahan, sekolah rendah maksud saya. Terima kasih kepada Kementerian Pelajaran dan nampak ada gaya-gayanya pihak Kementerian Kesihatan juga sedang beransur-ansur memperluas kemudahan kesihatannya di kampung-kampung, baik secara mobile unit ataupun melalui Klinik-klinik Desa dan sebagainya. Tetapi dalam hal-hal yang lain, infrastructure yang lain seperti jalanraya, bekalan letrik, bekalan air yang bersih selalu banyak kampung yang tidak dapat menikmati kemudahan-kemudahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita ada kesungguhan, mungkin kita ada rancangan yang begitu hebat, mungkin commitment kita untuk membawa infrastructure ini tidak boleh dipersoalkan lagi. Namun demikian, barangkali ada approach yang silap di mana-mana, approach pembangunan itu yang silap di mana-mana. Barangkali kita mahu menilai semula approach, sebab pada fikiran saya tidaklah wajar untuk kita menggunakan hanya satu standard approach sedangkan kita tahu bahawa standard approach itu tidak mendatangkan natijah yang optimum dalam jangka waktu yang minimum dan kita tidaklah patut terperangkap selama-lamanya dengan hanya satu approach. Approach pembangunan kita selama ini ialah approach menarik, approach tarik ataupun boleh kita katakan extensional approach. Kampung B dan kampung C misalnya tidak akan mendapat bekalan air atau api atau jalanraya selagi kampung A yang dekat dengan bandar tidak mendapat kemudahan-kemudahan ini. Jadi, sekarang bayangkan betapa halnya nasib penduduk-penduduk kampung Z. Barangkali anak-anak yang sekarang berumur 20 tahun selama-lamanya tidak akan dapat menikmati kemudahan-kemudahan letrik, api dan air kalau mereka terus tinggal di kampung itu, sampai matipun mereka tidak akan dapat melihat semuanya ini.

Soal yang hendak kita tanyakan sekarang ialah apakah mesti kita sambung paip dari kampung A ke kampung B, daripada kampung B ke kampung C dan dari Kampung C ke kampung D dan sebagainya. Apakah kita mesti tarik wire letrik dari kampung A ke kampung B, C dan sebagainya? Apakah jalanraya itu mesti bermula daripada point A dan berakhir ke point B? Kalau kampung B misalnya mempunyai sumber-sumber alam yang memungkinkan misalnya kampung itu mempunyai bekalan air bersih, katalah kampung itu letaknya di tepi sungai, mengapa tidak kita sedut air daripada sungai itu bawa ke dalam tangki-tangki di kampung, kemudian turunkan balik ke stand pipe di kampung yang berkenaan. Apakah kita mesti tunggu bahawa kuasa menarik air daripada kampung A tadi boleh kuat, barulah kita boleh bawa dia ke kampung B? Apakah nasib kampung B mesti bergantung kepada nasib kampung A, dan apakah nasib kampung C mesti bergantung kepada nasib kampung B? Kalau demikian halnya, keadaan yang interdependent seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, menimbulkan keadaan frustrasi yang amat terserlah oleh sebab kampung B kerana nasib mereka duduk lebih jauh daripada bandar maka terpaksa melihat dengan mata putih kampung A dahulu mendapat kemudahan-kemudahan yang saya sebutkan tadi.

Dalam masalah bekalan air ini, saya telah terangkan tadi, kampung B duduk di tepi sungai. Solution yang dibuat ialah menggali perigi, kita gali perigi untuk kampung yang terletak di tepi-tepi sungai yang airnya mengalir dengan jernih dan tidak polluted. Satu irony dalam pembangunan kita. Air sungai itu adalah anugerah Tuhan yang kita tidak eksplot untuk masyarakat, penduduk rakyat kita. Kita gali perigi dan gali perigi kena belanja juga, taruh simen, belikan kerek telaga, kata orang Trengganu, belikan pump kecil, sedut air daripada sungai bawa ke atas, enam bulan kemudian pump itu rosak. Di kawasan saya entah berapa puluh pump yang seperti ini telah rosak selepas diguna tidak sampai setahun. Berapa banyak wang kita telah rugi, sedangkan kalau mengikut secara akal, common sense kata orang Putih, sedut sahaja air daripada sungai dekat dengan kampung itu, belikanlah pump yang besar sedikit, sedut daripada sungai, tidak payah gali perigi, tidak payah beli kerek telaga, sedut daripada sungai terus masuk ke

tangki dalam kampung, tetapi mesti juga kita gali perigi. Inilah yang saya katakan irony pembangunan kita.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia ini suatu perkara yang amat termasyhur selain daripada getah, bijih timah, kelapa sawit dan lain-lain, kita juga masyhur kerana banyak mempunyai air, sehinggakan tiap-tiap tahun kita banjir. Tetapi dalam negeri kita ini 65% daripada penduduk negeri kita tidak mendapat bekalan air bersih. Ini adalah suatu angka yang amat tinggi dari segi comparison dengan negara-negara lain yang dianggap sebagai negara berpendapatan sederhana. Sebaliknya negeri-negeri Padang Pasir seperti Saudi Arabia walaupun kaya, negeri itu kita tahu keadaannya tandus, padang pasirnya luas, air tidak ada. Negeri Saudi Arabia dapat mengadakan bekalan air kepada 64% daripada penduduknya, Negeri Korea 66%. Kita di negeri ini banyak air, bahkan dahulu ada cadangan supaya kita eksport air kita ke Timur Tengah tetapi negeri kita sendiri 65% daripada rakyat kita tak dapat bekalan air bersih.

Sejak akhir-akhir ini nampaknya ada usaha daripada pihak Kementerian Kesihatan untuk menjalankan projek mencari punca air daripada bukit. Ini adalah bagus sebab bila ada air daripada bukit, kampung Z pun boleh dapat air, tak payah menunggu kampung B dan C dapat air dahulu. Tetapi di negeri Trengganu cuma ada satu unit di seluruh negeri, ada satu unit yang bertugas untuk membina projek air daripada bukit ini dan setiap tahun hanya satu projek yang dapat disiapkan oleh unit ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut bekalan air ini adalah sebagai satu contoh bahawa kita telah tidak mengeksploitkan sumber-sumber anugerahan Tuhan dengan sepenuhnya. Memang saya sedar bahawa soal bekalan air ini walaupun saya sebut sebagai contoh, bahawa soal air ini adalah soal negeri, walaupun duitnya datang daripada Kerajaan Pusat, tetapi tanggungjawab menyediakan bekalan air adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Sebenarnya antara perkara-perkara yang menyulitkan pembangunan, khidmat-khidmat sosial yang saya sebutkan tadi, ialah pembahagian yang artificial dalam tanggungjawab antara pihak-pihak yang berkuasa Kerajaan. Misalnya setengah jalanraya diletakkan di bawah Kerajaan Pusat, ada yang diletakkan di bawah JKR Negeri, ada

pula yang dipertanggungjawabkan kepada Pegawai Daerah, sedangkan kita tahu Pegawai Daerah tak diberi kemudahan yang cukup untuk membuat jalanraya. Kadang-kadang ada daerah yang tidak ada engineer pun. Kemudian dengan pembahagian tugas yang artificial tadi bila ada satu-satu perkara yang tidak betul, maka satu pihak akan menyalahkan pihak yang lain, akan melepaskan tanggungjawabnya kepada pihak yang lain dan yang menerima akibat daripada segala kesulitan yang timbul ialah rakyat jelata.

Sebenarnya samada kita mahu mengakui atau tidak, kita mestilah sedar bahawa dalam entusiasmo kita dalam kasungguhan kita untuk maju, suatu keadaan berkecamuk atau the rat race telah timbul dalam pembangunan kita. Antara pihak berkuasa Negeri dengan pihak berkuasa Persekutuan, kadang-kadang saling tarik tali. Kerajaan Persekutuan mahu tanah, Kerajaan Negeri tak mahu beri, yang anihnya kedua-dua Kerajaan itu berketuakan seorang Perdana Menteri yang sama. Kemudian ada pula tarik tali antara agensi Kerajaan dengan agensi yang lain. Ada kalanya terdapat kerja-kerja overlapping yang merugikan masa, tenaga dan wang. Anihnya agensi-agensi yang berkenaan itu berketuakan seorang menteri yang sama. Saya boleh memberi contoh kepada Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya tidak mahu embarrassed pihak-pihak yang berkenaan. Kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berhajat hendak tahu bolehlah kita berjumpa di luar Dewan kemudian.

Selain dari itu antara wakil rakyat yang membuat dasar dan pegawai Kerajaan yang menjadi agensi pelaksanaan juga sering berlaku perselisihan, yang anihnya mereka mempunyai kitab pembangunan yang sama. Bahkan keadaan rat-race ini (keadaan ber-celaru) pun terdapat antara wakil rakyat dengan wakil rakyat sendiri. Masing-masing wakil rakyat berlumba-lumba hendak mendapatkan sebanyak-banyak projek untuk kawasannya. Dan dalam hal ini wakil rakyat yang dapat memegang kuasa eksekutif sudah pastilah akan mendapat bahagian kek yang lebih besar dan lebih segera. Sampai bilakah kita hendak teruskan keadaan seperti ini Tuan Yang di-Pertua? Saya mintalah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberhentikan segera keadaan ber-celaru ini. Itulah sebabnya tadi saya cadangkan supaya kita adakan program bertindak

yang minima, barangkali kalau kita jalankan ini kita boleh kendurkan sedikit keadaan rat-race ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyen-tuh sedikit sebanyak tadi mengenai unsur-unsur mengadakan kegiatan ekonomi di kawasan-kawasan atau daerah luar bandar terutama di daerah-daerah yang tidak maju. Saya runsing sekali, bahawa terlalu banyak wang dibelanjakan untuk kawasan luar bandar. Sejak 7 tahun yang lalu sahaja pembangunan pertanian dan pembangunan luar bandar berjumlah \$3,398 billion iaitu \$3,398 juta. Apakah hasil daripada wang yang kita belanjakan di kawasan luar bandar ini? Pertumbuhan ekonomi di kawasan luar bandar tidak selaras dengan kemasukan wang yang begitu banyak di kawasan-kawasan tersebut. Keadaan di luar bandar masih sepi. Kegiatan ekonomi (economic activity) di luar bandar tertumpu kepada rancangan-rancangan FELDA, barangkali ada faktori MARDEC sebuah dua, walaupun baunya busuk tapi tak mengapalah dapat juga memberi kerja buruh kepada anak-anak buah kita di luar bandar, busuk baunya pun tak apalah, asalkan dapat memberikan peluang kerja. Kemanakah wang sebanyak ini hilang, kemanakah perginya wang yang sebanyak ini yang berjumlah \$3,398 juta untuk kawasan luar bandar? Wang ini kembali semula ke bandar. Itulah jawapannya. Wang ini balik semula ke bandar. Wang ini dibayar untuk mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan seperti taliair, empangan dan lain-lain projek dan yang mendapat kontrak membina semuanya ini ialah kontraktor besar daripada bandar ataupun kontraktor besar daripada luar negeri. Bila projek mereka siap wang ini mereka angkut balik ke bandar, yang tinggal di kampung ialah taliair, empangan dan projek-projek yang telah siap dijalankan, servicenya sahaja yang dapat, wang itu balik ke bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa perkara yang saya sebutkan ini adalah satu hal yang merunsingkan para perancang ekonomi, baik di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian-kementerian lain dan sampai sekarang solutionnya belum ada. Walau bagaimanapun saya harap mereka tidak akan putus-putus berikhtiar dan mencari jalan untuk memastikan bagaimana duit yang kita belanjakan untuk kawasan-kawasan luar bandar itu kekal duduk berlingkar, berputar di kawasan luar bandar sendiri, kalau tidak semua sekalipun sekurang-kurangnya

sebahagian daripada itu cukuplah. Dengan berputar wang yang begitu banyak di kawasan luar bandar sudah pastilah ia akan melahirkan, mencetuskan suatu kegiatan ekonomi yang akhirnya akan dapat membawa perbandaran atau memperbandarkan kawasan luar bandar tadi. Dan ini adalah selaras dengan Dasar Ekonomi Baru kita.

Saya tidak tahu samada cadangan ini praktikal atau tidak, tetapi barangkali dalam salah satu daripada solution untuk membetulkan keadaan ini ialah dengan memberikan kontraktor-kontraktor yang saya sebutkan tadi membuat empangan, taliair dan sebagainya kepada kontraktor-kontraktor setempat, ertinya kontraktor-kontraktor daripada kawasan itu sendiri. Kalau tidak mungkin daripada daerah itu, daripada negeri itu sendiri. Memang saya sedar kontraktor-kontraktor kita di kawasan luar bandar tidak ada kemampuan untuk membuat kerja-kerja yang besar seperti empangan yang berharga \$500 juta di kawasan saya Ulu Trengganu. Akan tetapi pihak Kerajaan masih boleh menolong mereka dengan mengenakan syarat iaitu kontraktor-kontraktor ini terutama sekali yang daripada luar negeri hendaklah dipastikan memberi kerja-kerja sub-contract kepada kontraktor-kontraktor setempat supaya orang-orang ini bila dapat keuntungan akan menanam semula, melabur semula wang keuntungan itu di kawasan itu juga. Yang demikian mengeneratekan satu kegiatan ekonomi baru dan memberi peluang kerja yang lebih besar kepada penduduk-penduduk terutama anak muda di kawasan itu. Natiyahnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka dapat kerja anak-anak muda ini tentulah kita tahu mereka tidak akan lari ke bandar-bandar dan tidak akan membawa beban masalah perancang-perancang di bandar pula.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana peluang yang diberi kepada saya.

5.55 ptg.

Tuan Ismail bin Said (Kemaman): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersamasama menyokong ucapan Belanjawan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan baru-baru ini, yang mana telah mencerminkan hasrat dan cita-cita Kerajaan dalam meninggikan usaha-usahamengujudkan Kerajaan yang benar-benar berjiwa rakyat dan telah mencerminkan

strategi dan langkah-langkah yang dianggapkan sebagai amat murah hati. Juga Belanjawan ini telah memasukkan peruntukan-peruntukan bagi membiayai projek-projek bertujuan untuk membasmi kemiskinan, mengurangkan pengangguran dan menyusun semula masyarakat dalam konteks pembangunan negara keseluruhannya dan setiap duit rakyat digunakan dengan sepenuhnya bagi menuju ke arah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berhubung dengan faktor utama yang ada hubungan rapat dengan pelaksanaan berbagai-bagai rancangan pembangunan di negara kita ini sebagai yang terdapat dalam rangka Dasar Ekonomi Baru dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Faktor utama yang saya maksudkan ini ialah tanah. Tanah adalah merupakan asas yang paling mustahak. Jika tidak ada tanah segala rancangan pembangunan tidak dapat dijalankan juga tidak guna kita mencurahkan wang yang begitu banyak jika tidak ada tempat yang hendak dimajukan.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat kita nafikan bahawa di negara kita ini terdapat beberapa jenis undang-undang, yang berhubung dengan tanah samada di peringkat Negeri mahupun di peringkat Persekutuan dan saya tidak berniat hendak mensenarai-kan satu persatu di sini. Tetapi pokoknya kita masih belum lagi mempunyai satu dasar tanah yang konkrit dan komprehensif. Undang-undang tanah yang ada pada hari ini hanya yang menitikberatkan orang-orang yang mempunyai tanah sahaja. Walaupun dasar tanah negara kita tidak menahan seorang yang tidak mempunyai tanah untuk mendapatkan tanah, akan tetapi ia tidak memberi jaminan kepada orang yang miskin yang tidak mempunyai tanah tetapi berkehendakkan tanah, akan mendapat tanah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pasaran terbuka dan pentadbiran tanah yang ada sekarang ini tidak menahan orang kaya yang telahpun banyak mempunyai tanah dari memiliki lebih banyak lagi tanah. Jika perkara ini dibiarkan berlaku berlarutan saya kira orang yang kaya akan bertambah kaya dengan membolot semua tanah-tanah yang ada di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang ada sekarang ini adalah terdedah dan memberi peluang kepada warganegara asing untuk memiliki seberapa banyak tanah yang mereka mahu, ini telah berlaku dan sudah ada di hadapan mata kita semua. Estet-estet

yang besar yang terdapat dalam negara kita ini adalah hak kepunyaan syarikat-syarikat asing. Saya khuatir, jika kita hanya diam membisu dan membiarkan undang-undang ini berjalan seterusnya, jenerasi kita akan datang tidak akan mempunyai tanah untuk hidup. Kerajaan kita akan datang tidak akan mempunyai tanah untuk menjalankan projek pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk memberi tanah kepada orang yang tidak mempunyai tanah melalui rancangan FELDA dan FELCRA dan sebagainya amatlah dialu-alukan. Tetapi ini tidak bermakna mereka telah diberi jaminan untuk menyertai sama di dalam persaingan dalam pasaran terbuka untuk mendapatkan tanah kerana tanah semakin sehari semakin mahal harganya akibat dari banyaknya orang berkehendakkan tanah walhal keluasan tanah di negara kita tidak bertambah, malahan berkurangan pula akibat dari hakisan air sungai dan laut.

Tuan Yang di-Pertua, demi untuk menjaga kepentingan generasi kita akan datang dan demi untuk memastikan bahawa Kerajaan kita tidak akan menghadapi kekurangan tanah untuk melaksanakan projek-projek pembangunan untuk rakyat langkah segera yang positif untuk mengadakan satu dasar tanah yang komprehensif dengan mengkaji semula undang-undang yang ada sekarang ini dan menggariskan dengan tegasnya dasar-dasar yang boleh memberi jaminan supaya pembahagian dan pemilikan tanah dapat dilakukan dengan cara yang adil hendaklah diambil. Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, membuat cadangan di sini supaya langkah hendaklah diambil untuk menentukan keluasan tanah yang maksima seseorang itu harus miliki mengikut jenis kategori penggunaan tanah yang bertujuan untuk memberi peluang kepada orang-orang yang tidak bertanah memiliki tanah.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 43 (a) Kanun Tanah Negara yang saya rasa begitu terdedah kepada warganegara asing haruslah dipinda dengan secepat mungkin oleh Kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah demi untuk menyelamatkan tanah-tanah yang masih ada di negara kita ini dibolot oleh orang-orang asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat di sini untuk menyekat kedatangan pelabur-pelabur asing melabur ke negara kita ini

kerana saya rasa mereka juga memainkan peranan yang penting dan memberi sumbangan kepada pembangunan negara kita dengan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan membawa masuk pengetahuan teknik. Jadi jika sekiranya kita hendak mengelakkan mereka ini datang melabur ke negara kita, kita masukkan dalam seksyen 43 (a) Kanun Tanah Negara ini beberapa pengecualian yang membolehkan mereka menanam modal dengan syarat ia boleh memberi keuntungan yang lebih kepada warganegara kita tanpa menjejaskan hak dan peluang orang-orang kita mendapat tanah, ataupun pihak Kementerian yang berkenaan bolehlah menggubalkan satu undang-undang tanah yang baharu yang dikhaskan untuk pelabur-pelabur asing ini dengan mengadakan peruntukan-peruntukan yang bukan sahaja menggalakkan pelabur-pelabur asing datang ke negara kita tetapi dapat menyelamatkan warganegara kita memiliki tanah dalam negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin membawa di dalam Dewan yang mulia ini iaitu berhubung dengan terdapatnya dalam negara kita negeri-negeri yang dianggapkan maju dan negeri-negeri yang dianggapkan tidak maju. Ini wujud oleh kerana adanya pembangunan yang tidak seimbang terutama sekali pembangunan perindustrian yang mana pelaburannya adalah lebih banyak terdapat di dalam negeri-negeri yang maju. Pembangunan yang tidak seimbang ini telah mendatangkan persaingan buruk bukan sahaja kepada perkembangan ekonomi pada keseluruhannya tetapi menimbulkan masaalah-masaalah sosial dan juga keselamatan. Penghijrahan tenaga-tenaga buruh dari negeri-negeri yang kurang maju ke negeri-negeri yang lebih maju telah berlaku dengan pesatnya terutama sekali di Selangor, Johor dan Pulau Pinang di mana negeri-negeri ini telah menjadi tumpuan bagi mendirikan projek-projek perindustrian.

Usaha-usaha Kerajaan untuk mewujudkan pembangunan perindustrian yang lebih seimbang di antara negeri-negeri terutama sekali mewujudkan taburan industri yang lebih banyak lagi ke negeri-negeri yang kurang maju, saya rasa hendaklah dipergiatkan lagi oleh Kerajaan. Pelabur-pelabur swasta, Tuan Yang di-Pertua, samada dari luar atau dalam negeri telah enggan menanam modal mereka sungguhpun diberi berbagai-bagai galakan di bawah Akta Galakkan Pelaburan seperti taraf

perintis, kredit cukai pelaburan dan sebagainya ke dalam negeri-negeri yang kurang maju. Mereka sebaliknya menanam modal mereka ke dalam negeri-negeri yang mana dapat memberi pulangan yang lebih terjamin kepada pelaburan mereka. Negeri Trengganu misalnya iaitu negeri saya sendiri mengalami nasib yang sama seperti ini. Keadaan yang ada dalam negeri Trengganu ini belum lagi dapat menarik pelabur-pelabur swasta. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, Projek Kelab Mediterranean yang dahulunya hendak diadakan dalam negeri Trengganu tetapi oleh kerana sebab-sebab yang saya nyatakan tadi, projek ini telah berpindah ke negeri jiran iaitu negeri Pahang dan baru-baru ini nyaris-nyaris pula Projek Supply Base berpindah ke negeri lain.

Tuan Yang di-Pertua, di antara sungutan yang diterima dari pelabur-pelabur ini ialah kemudahan asas sebagaimana yang diperkatakan oleh saudara saya daripada Ulu Trengganu tadi seperti api, air dan jalan yang terdapat dalam negeri ini masih belum mencukupi. Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun negeri Trengganu kaya dengan tanah dan Kerajaan Negeri Trengganu telah menyedari hakikat bahawa perkembangan industri adalah mustahak, Kerajaan telahpun menyediakan dua kawasan perindustrian yang seluas lebih kurang 350 ekar dan di samping itu juga Kerajaan Negeri telahpun mencadangkan beberapa lagi kawasan perindustrian di kawasan-kawasan lain tetapi malangnya setakat ini dari jumlah 350 ekar itu cuma seluas lebih kurang 45 ekar sahaja yang diambil oleh pelabur-pelabur untuk menjalankan projek-projek perindustrian mereka. Yang bakinya masih lagi menunggu pelabur-pelabur ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira selagi keadaan infrastruktur di dalam negeri Trengganu ini tidak berubah, selagi itulah kemajuan pesat tidak dapat diwujudkan dan selagi itulah usaha-usaha Kerajaan untuk mengimbangkan pembangunan projek-projek perindustrian di kalangan negeri-negeri yang kurang maju tidak akan tercapai. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru Kerajaan Pusat supaya memberi perhatian berat terhadap perkembangan infrastruktur di negeri-negeri kurang maju dengan bukan sahaja semata-mata memberi peruntukan yang banyak tetapi juga dengan membekalkan kakitangan teknikal yang cukup alat-alat

jentera yang cukup dan juga kakitangan-kakitangan teknikal ini hendaklah dikekalkan dalam negeri-negeri itu sekarang-kurangnya dalam jangka tempoh tiap-tiap satu Rancangan Malaysia supaya mereka ini dapat memberi perhatian kepada projek-projek pembangunan yang hendak dijalankan itu dari awal hingga akhir.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan kita telah menubuhkan sebuah unit pusat untuk mengatasi kelewatan di dalam pelaksanaan dasar perindustrian negara kita. Juga pusat ini ditubuhkan dalam organisasi FIDA untuk menyelaraskan dan melicinkan bagi perjalanan dasar ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, unit yang ditubuhkan ini adalah terletak di Kuala Lumpur sahaja yang mana kawasan ini telahpun maju. Ini bermakna ia tidak akan memberi kesan untuk mengurangkan jurang perbezaan pembangunan industri di antara negeri-negeri ataupun di antara wilayah.

Sukacita saya mencadangkan di sini supaya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengambil inisiatif untuk menubuhkan lebih banyak lagi unit pusat seperti ini di antara wilayah terutama sekali di negeri-negeri yang kurang maju demi untuk mengatasi kelewatan ini dan juga pegawai-pegawai yang ditugaskan dalam unit pusat ini hendaklah diberi kuasa untuk bertindak dan meluluskan sesuatu projek perindustrian tanpa merujuk kepada unit pusat yang berada di Kuala Lumpur sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu salah satu langkah untuk mewujudkan Kerajaan yang berjiwa rakyat ialah memodenkan jentera pentadbiran Kerajaan serta mengkaji kedudukan di beberapa Pejabat Daerah dan Tanah. Saya berharap kajian yang akan dibuat nanti hendaklah mengambil kira kedudukan pejabat-pejabat ini di negeri-negeri yang kurang maju dengan memberi perhatian yang khusus kepada Pejabat Daerah sebagai salah satu ejen pelaksanaan untuk memberi kemudahan asas kepada penduduk-penduduk di luar bandar terutama sekali keperluan asas seperti jalan-jalanraya dan terutama sekali juga jalan-jalan mukim yang merupakan alat perhubungan yang mustahak sekali kepada orang-orang kampung dan juga kepada masyarakat-masyarakat petani untuk membawa hasil-mahsul mereka ke pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, unit pembinaan jalan mukim yang ada sekarang ini di Pejabat Daerah adalah didapati tidak mencukupi bagi menampung kerja-kerja pembinaan jalan-jalan yang semakin sehari semakin bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, demi untuk memastikan bahawa kemudahan jalan ini dapat diberikan dengan segera bagi kesenangan orang-orang kampung dan petani-petani, saya mengesyorkan supaya Kerajaan hendaklah mengambil langkah untuk mengadakan satu unit pembinaan jalan mukim yang khas di Pejabat Daerah terutama sekali di negeri-negeri yang kurang maju. Unit ini bolehlah kita beri nama Mini JKR, dengan memberi peruntukan untuk membiayai pembinaan jalan-jalan dan juga membeli alat-alat jentera yang lengkap seperti Jentolak, Roller, Shower dan sebagainya dan juga mengadakan kakitangan teknik yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita tidak sekali yang saya ingin sentuh di dalam Dewan yang mulia ini ialah sebagaimana yang terdapat di dalam ucapan-ucapan Belanjawan samada yang lepas ataupun baru-baru ini ialah usaha-usaha untuk mengatasi beberapa masalah yang dihadapi oleh kaum belia terutama sekali masalah pengangguran.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita tidak nafikan bahawa keutamaan yang telah diberi oleh Kerajaan kepada masalah-masalah ini amatlah patut kita alu-alukan. Berbagai-bagai rancangan yang disalurkan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan samada rancangan tanah, rancangan kerja kemahiran dan sebagainya telahpun sedikit sebanyak menolong menyelesaikan berbagai masalah yang dihadapi oleh belia-belia dan telahpun sedikit sebanyak membuka peluang kepada belia-belia yang menganggur mendapatkan kerja samada di swasta mahupun bekerja sendiri dengan menggunakan kemahiran yang diperolehi melalui berbagai kursus belia yang dianjurkan oleh pihak Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu ada terdapat setengah-setengah usaha yang dijalankan pada hari ini tidak begitu serius. Misalnya Projek Belia Peladang. Sungguhpun, sambutan yang diberi oleh kalangan belia amatlah menggalakkan tetapi konsep belia peladang yang diberi oleh pihak Kementerian tidak begitu menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat kita nafikan bahawa Jawatankuasa Belia Peladang samada di peringkat daerah mahupun di peringkat negeri dianggotai oleh pegawai-pegawai yang mempunyai kemahiran tertentu seperti pegawai-pegawai dari Jabatan Pertanian, Perikanan, FAMA dan sebagainya. Tetapi kita mesti faham bahawa pegawai-pegawai ini di samping menghadapi tugas-tugas Jabatan mereka yang banyak mereka juga menghadapi masalah masing-masing seperti kekurangan jentera pembajak, bekalan baja yang tidak mencukupi dan sebagainya. Mereka ini tidak dapat memberi perhatian sepenuh masa kepada projek ini padahal Pegawai Belia yang bertindak sebagai Urusetia adalah semata-mata bergantung kepada pegawai-pegawai ini. Sungguhpun beliau dibantu oleh Jurulatih Belia tetapi kadang-kadang Jurulatih ini tidak mempunyai kemahiran yang tertentu, tambahan pula Jurulatih ini semenjak tahun 1960, kecuali mereka yang bekerja di Negeri Pahang tidak mempunyai sekim perkhidmatan yang benar-benar menjamin kedudukan mereka kerana mereka dilantik secara sementara dan perkhidmatannya dari tahun ke setahun dengan memberi bayaran secara imbuhan tetap sahaja tanpa diberi lain-lain faedah.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan dilemma yang ada di Pejabat Belia ini telah menyebabkan rancangan Projek Belia Peladang di setengah-setengah tempat menjadi lumpuh dan kaku sahaja, dan ada juga yang mengalami kegagalan. Hakikat ini telah menyebabkan insentif dan minat belia terhadap peladangan menjadi lembab. Telah menjadi satu tanda-tanya samada Projek Belia Peladang ini benar-benar dapat memberi kesan dan kejayaan jangka panjang kepada belia-belia terutama sekali mereka yang berada di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pertanian Negara baru yang sedang dibentuk ini hendaklah mengambil kira tentang masalah ini dan memberi pertimbangan yang wajar supaya projek ini benar-benar memberi makna dan benar-benar merupakan salah satu daripada cara mengatasi berbagai masalah yang dihadapi oleh belia.

Pegawai yang mahir di dalam bidang pertanian hendaklah ditempatkan di Pejabat Belia sama diperingkat Daerah ataupun di peringkat Negeri supaya beliau dapat memberi perhatian, pengawasan dan khidmat nasihat dengan sepenuhnya kepada projek ini.

Alat-alat jentera seperti pembajak dan sebagainya hendaklah juga dibekalkan dan ditempatkan di pejabat-pejabat belia supaya dapat digunakan khas untuk projek ini dari masa ke semasa tanpa bergantung kepada alat-alat jentera dari jabatan-jabatan lain.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, langkah segera hendaklah diambil supaya pengiktirafan diberi kepada Jurulatih Belia yang selama ini tidak mendapat perhatian yang wajar agar mereka mendapat layanan yang adil seperti kakitangan Kerajaan yang lain.

Satu sekim perkhidmatan gaji hendaklah diadakan bagi mereka untuk membolehkan mereka itu merasa nikmat seperti kakitangan Kerajaan lain di bawah Lapuran Kabinet dengan harapan mereka akan dapat men-

jalankan kerja-kerja mereka dengan lebih baik dan lebih berkesan lagi semoga mereka benar-benar mempunyai insentif menjalankan tugas mereka demi untuk kepentingan negara dan belia keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat ada setengah minit sahaja lagi.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Anggaran Belanjawan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Dewan ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 25hb Oktober, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.